

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"UMAT Islam tidak akan mencapai kecemerlangan sekiranya mereka meninggalkan ibadat kepada Allah. Kerana kecemerlangan itu adalah bulat-bulat daripada Allah.

Bagaimanakah Allah akan mengurniakannya kepada kita, jika kita tidak mahu menyembahNya".

- Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Al-Quran 1428H / 2007M, pada hari Jumaat (Malam Sabtu), 17 Ramadan 1428 / 28 September 2007.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.49	6.22	7.36

TAHUN 65 / BILANGAN 4

8 JANUARI 2020 / 1441

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

5,705 murid Pra Sekolah Ugama mulakan sesi pembelajaran



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (tiga, kiri) dan Setiausaha Tetap, KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (dua, kanan) bergambar ramai bersama Guru Besar sekolah berkenaan, Awang Muhammad Khairuddin bin Haji Kamis, Guru-guru dan Murid-murid Darjah Pra Sekolah Ugama Lumapas.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

LUMAPAS, Isnin, 6 Januari - Sesi pendaftaran kemasukan murid-murid baharu Darjah Pra Sekolah di sekolah-sekolah

Ugama seluruh negara bagi musim penggal baharu persekolahan Tahun 1441H / 2020M bermula hari ini 10 Jamadilawal 1441 bersamaan 6 Januari 2020.

Seramai 5,705 murid baharu bakal

mengikuti pembelajaran Ugama di sekolah-sekolah ugama seluruh negara, di mana seramai 2,962 murid terdiri daripada murid lelaki dan selebihnya seramai 2,743 murid adalah murid perempuan.

Ke muka 3

Eco-resort mewah akan dibina di Kampung Perdayan, Temburong

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Ihsan Jabatan Kemajuan Pelancongan

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Kontrak di antara Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bersama Eco-Green Development Sendirian Berhad dan Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad berlangsung di Bilik VIP, KSSUP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan majlis penandatanganan tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan,

Awang Haji Zulzalani bin Haji Osman disaksikan oleh Setiausaha Tetap di KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak.

Sementara itu, bagi pihak Eco-Green Development Sendirian Berhad pula diwakili oleh Pengarahnya, Mr. Lim Wei Su dan disaksikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman, selaku Arkitek Utama, Eco-Bumi Arkitek.

Manakala, Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad diwakili oleh Pengarah Urusannya, Mr. Chieng Hock Kiet dan disaksikan oleh Pengarahnya, Mr. Jerome Fang Yau Yong.

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
 infodept.bn infodept_bn



50 Pegawai Kanan PPDB dinaikkan pangkat

Muka 5



BRUNEI - Singapura bertukar pandangan menangani jenayah rentas sempadan Muka 6



PESERTA berpeluang kembangkan kemahiran Muka 8



SKIM RPN menjamin kualiti kehidupan rakyat Muka 22

Amalan pencegahan jangkitan HIV-AIDS perlu diperkuuh

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

TERLEBIH dahulu, saya ingin merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir pada Forum 'Implications Of HIV In The Workplace' sempena Hari AIDS Sedunia. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum kerabat serta keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Hari AIDS Sedunia disambut setiap tahun pada 1hb Disember di seluruh dunia bagi meningkatkan kesedaran mengenai jangkitan HIV dan langkah-langkah pencegahan serta rawatan ke arah mengakhiri AIDS pada tahun 2030. Selain daripada itu, ianya juga dijadikan sebagai satu platform bagi semua pihak untuk memperbaharui komitmen dan tekad dalam sama-sama mempergiatkan lagi usaha dalam menangani jangkitan HIV / AIDS.

Jangkitan HIV merupakan salah satu penyakit berjangkit yang masih menjadi isu utama kesihatan awam yang mendapat perhatian dari seluruh dunia. Virus HIV yang menyebabkan jangkitan tersebut merosakkan sel-sel CD4 dalam sistem imun seseorang, yang mana pada amnya, sel-sel CD4 adalah diperlukan untuk melawan sebarang jangkitan. Ianya dapat dijangkiti melalui tingkah laku yang berisiko seperti hubungan seks yang tidak selamat dan perkongsian jarum suntikan atau peralatan dadah yang tercemar; pencemaran cecair badan seperti darah, susu ibu dan juga dari ibu ke anaknya semasa dalam kandungan dan ketika melahirkan. Tanpa rawatan berkesan yang merangkumi kombinasi ubat antiretroviral (ART), sistem imun seseorang yang dijangkiti itu akan semakin menjadi lemah hingga tidak berupaya untuk melawan jangkitan dan menangani penyakit-penyakit lain.

Setakat ini, jangkitan HIV telah meragut lebih daripada 32 juta nyawa dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan terdapat lebih daripada 37.9 juta orang hidup dengan HIV pada hujung tahun 2018 di seluruh dunia. Di Negara Brunei Darussalam pula, dari tahun 1986 sehingga menjelang akhir tahun 2018, seramai 247 orang telah disahkan dijangkiti HIV di kalangan warganegara dan penduduk tetap. Dari jumlah tersebut, seramai 191 (77 peratus)



MENTERI KESIHATAN, YANG BERHORMAT DATO SERI SETIA DR. AWANG HAJI MD. ISHAM BIN HAJI JAAFAR SEMASA BERUCAP PADA FORUM 'IMPLICATIONS OF HIV IN THE WORKPLACE?' SEMPENA HARI AIDS SEDUNIA 2019 ANJURAN PUSAT PROMOSI KESIHATAN DAN BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT DAN KEMENTERIAN KESIHATAN DAN MAJLIS AIDS BRUNEI DARUSSALAM PADA ISNIN, 2 DISEMBER 2019 BERSAMAAN 5 RABIULAKHIR 1441, BERTEMPAT DI DEWAN AL-'AFIAH, KEMENTERIAN KESIHATAN.

orang masih hidup dengan HIV. Jumlah kes tertinggi yang dilaporkan adalah pada tahun 2018 iaitu sebanyak 41 kes, di mana 93 peratus adalah terdiri daripada lelaki (38 kes) dan 32 peratus (13 kes) adalah dalam lingkungan usia 25 - 29. Sebahagian besar jangkitan adalah disebabkan tingkah laku yang tidak selamat. Jika perkara ini tidak dibendung dengan segera, dikhuatiri bilangan kes baru HIV akan meningkat lagi dan menggagalkan matlamat negara untuk membanteras AIDS pada tahun 2030. Justeru, aktiviti-aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan sedia ada seperti saringan HIV, pendidikan pencegahan, amalan pencegahan jangkitan yang berkesan khususnya kepada kumpulan berisiko tinggi perlu diperkuuhkan dan diteruskan.

Jangkitan HIV sebenarnya boleh dirawat dan orang yang hidup dengan HIV yang menerima rawatan ART pada masa kini, boleh mengurangkan risiko jangkitan kepada orang lain. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dengan kemajuan dalam bidang kesihatan dan perubatan

masa kini, 79 peratus orang yang hidup dengan HIV dianggarkan mengetahui risiko HIV mereka; 62 peratus dianggarkan menerima rawatan ART dan 53 peratus dianggarkan berjaya dalam menyekat virus HIV hingga tidak mempunyai risiko untuk menjangkiti orang lain. Di antara tahun 2000 dan 2018, jangkitan HIV yang baru berkurangan sebanyak 37 peratus dan kematian akibat jangkitan HIV pula jatuh sebanyak 45 peratus, justeru itu 13.6 juta nyawa terselamat dengan rawatan ART. Pencapaian ini mencerminkan kejayaan usaha sama agensi-agensi kerajaan di negara-negara seluruh dunia yang didukung oleh kumpulan masyarakat setempat dan juga rakan pembangunan antarabangsa.

Kita amatlah bersyukur kerana di negara ini, kita mempunyai kemudahan-kemudahan kesihatan menerusi pusat-pusat kesihatan dan hospital di seluruh negara untuk mengesan jangkitan HIV dan memberi rawatan ART yang boleh menyekat replikasi dan penyebaran jangkitan tersebut. Walaupun pada dasarnya rawatan ART tidak dapat menyembuhkan jangkitan tersebut sepenuhnya, namun ianya boleh mengukuhkan sistem imun pesakit untuk melawan jangkitan-jangkitan yang lain dan membolehkan pesakit untuk menikmati kehidupan seperti biasa.

Oleh yang sedemikian, kemudahan-kemudahan tersebut sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang memerlukannya; tanpa risiko diskriminasi dan secara confidential (atau dalam keadaan yang sulit / dengan penuh amanah). Jika seseorang itu mendapatkan ujian awal, rawatan juga akan dapat diberikan secepat mungkin untuk menyekat jangkitan HIV dan seterusnya meningkatkan peluang dan kebermungkinan seseorang itu untuk terus menjalani kehidupannya seperti biasa.

Ahli-ahli keluarga, rangkaian sosial, masyarakat setempat termasuk di tempat kerja, tempat beribadah dan beriadah dan lain-lain memainkan peranan penting dalam memastikan isu stigma dan diskriminasi tidak timbul atau berleluasa. Ketakutan, stigma dan diskriminasi terhadap jangkitan HIV dan isu-isu yang berkaitan dengannya telah menunjukkan ianya boleh menjelaskan keupayaan individu dan keluarga untuk melindungi diri mereka dan menjelaskan sokongan dan jaminan kepada mereka yang dijangkiti. Ianya boleh menghalang atau merumitkan keputusan seseorang untuk menjalani ujian dan mendapatkan rawatan; pendedahan status, dan sebagainya.

Ke muka 10

Dari Sidang Pengarang.

8 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441

PERSIAPAN KEMBALI KE SEKOLAH

ANAK adalah anugerah terindah di dalam kehidupan berkeluarga khususnya kepada pasangan suami isteri, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menjaga amanah Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebaik-baiknya, iaitu dengan memberikan makanan, pakaian, tempat tinggal dan yang paling penting ialah memberi pendidikan sempurna kepada mereka. Sebagai ibu bapa, adalah wajib untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak seperti menghantar mereka ke sekolah untuk menjadikan mereka anak-anak yang berguna dan berjaya di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, sekarang kita sudah masuk ke tahun 2020 dan penggal pertama persekolahan sudah pun bermula setelah bercuti panjang di hujung tahun. Ibu bapa haruslah memastikan bahawa anak-anak sudah membuat persediaan dan mempersiapkan diri untuk kembali ke sekolah mahupun yang baru mulakan tahun pertama di persekolahan agar lebih bersemangat kerana ibu bapa merupakan orang yang paling berpengaruh dalam kehidupan anak-anak. Oleh itu, ibu bapa haruslah memainkan peranan penting dalam membantu anak-anak membuat persediaan sebelum alam persekolahan bermula.

Sebagai ibu bapa haruslah memastikan keperluan mereka seperti alat-alat keperluan dan pakaian sekolah adalah lengkap. Barang-barang keperluan baharu adalah amat dinanti-nantikan oleh setiap anak-anak, inilah masa untuk ibu bapa menghadiahkan set pakaian, kasut, beg sekolah dan peralatan tulis yang baharu kepada anak-anak tersayang. Ia sebagai tanda sokongan ibu bapa kepada anak-anak agar mereka belajar dengan fokus pada tahun baharu persekolahan ini.

Selain itu, para ibu bapa haruslah memastikan bahawa kesihatan anak-anak selalu diambil berat agar anak-anak dapat fokus dalam pembelajaran bahkan kehadiran ke sekolah penuh sepanjang tahun dan tidak tercicir dari sebarang kelas. Salah satu cara untuk memastikan mereka sentiasa sihat adalah dengan memastikan mereka mempunyai tidur yang cukup dan mengamalkan rutin tidur seawal jam 9.00 malam dan bangun pada jam 5.00 subuh dengan rutin yang baik seperti ini, kesihatan anak-anak terjaga dan mereka akan lebih fokus ketika musim persekolahan.

Semoga pada tahun baharu ini kita boleh memastikan anak-anak mempunyai semangat baharu untuk mempersiapkan diri agar dapat membawa kecemerlangan dalam pembelajaran mereka dan akan dapat menghasilkan kualiti pembelajaran yang lebih cemerlang untuk masa akan datang. InsyaaAllah. - Ketua Penyunting (Ki).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 °C	32 °C	32 °C
26 °C	26 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	33 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
KUALA BELAIT		
32 °C	32 °C	31 °C
25 °C	25 °C	25 °C

Walaupun Bissawayi Talian Cuaca
Jabatan Kajiciata Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

114

Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:

"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	RABU	12	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.49	6.22	7.36
9	KHAMIS	13	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.23	7.37
10	JUMAAT	14	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37
11	SABTU	15	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23	7.38
12	AHAD	16	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38
13	ISNIN	17	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24	7.38
14	SELASA	18	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

5,705 murid Pra Sekolah Ugama mulakan sesi pembelajaran

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morsyidi

Dari muka 1

Hadir menyaksikan Majlis Pendaftaran Kemasukan Murid-murid Baharu Darjah Pra di Sekolah Ugama Lumapas, Kawasan Brunei IV, di sini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Menurut Guru Besar sekolah berkenaan, Awang Muhammad Khairuddin bin Haji Kamis menjelaskan bahawa seramai 63 orang murid mendaftar di Sekolah Ugama Lumapas, iaitu 34 murid lelaki dan 29 murid perempuan.

Akta Pendidikan Ugama Wajib, Penggal 215, menghendaki bahawa setiap kanak-kanak Islam

di negara ini yang berumur 7 tahun adalah diwajibkan mengikuti persekolahan Ugama di sebuah sekolah dengan hasrat agar setiap kanak-kanak Islam di negara ini akan memiliki dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam, pandai bersebahyang, seterusnya membaca Al-Quran.

Turut menyertai rombongan, Setiausaha Tetap, KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam.

MURID baharu Darjah Pra di Sekolah Ugama Lumapas, Kawasan Brunei IV ini gembira dapat berbual mesra bersama Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika meninjau dan berbual bersama murid-murid pada Majlis Pendaftaran Kemasukan Murid-murid Baharu Darjah Pra di Sekolah Ugama Lumapas, Kawasan Brunei IV (atas dan kanan).



ANTARA murid baharu perempuan yang memasuki Darjah Pra, Sekolah Ugama Lumapas, Kawasan Brunei IV.

KAWASAN / DAERAH	KERAMAIAH MURID YANG MENDAFTAR DARJAH PRA TAHUN 2020		
	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
BRUNEI I	280	267	547
BRUNEI IIA	446	443	889
BRUNEI IIB	470	412	882
BRUNEI III	619	556	1175
BRUNEI IV	381	325	706
TUTONG	307	334	641
BELAIT	404	335	739
TEMBURONG	55	71	126
JUMLAH	2962	2743	5705

STATISTIK keramaian murid baharu yang mendaftar bagi Darjah Pra Sekolah Ugama seluruh negara bagi Tahun 2020.

Eco-resort mewah akan dibina di Kampung Perdayan, Temburong



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Ihsan Jabatan Kemajuan Pelancongan

Dari muka 1

Eco-Green Development Sendirian Berhad telah dilantik bagi projek pembangunan sebuah eco-resort mewah di Kampung Perdayan, Temburong dan membaik pulih serta pengendalian Pejabat Daerah yang lama di Pekan Bangar.

Projek tersebut bertujuan untuk mewujudkan elemen eco-resort mewah yang berintegrasi secara komprehensif bagi produk pelancongan yang mewah, lestari, selamat, boleh dipercayai, menarik serta berpatutan di kawasan Kampung Perdayan yang boleh dinikmati oleh pengunjung tempatan dan luar negara.



SETIAUSAHA Tetap di KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak (kiri) bertukar dokumen bersama Pengarah Urusan Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad , Mr. Chieng Hock Kiet (kanan).



ECO-Green Development Sendirian Berhad dilantik bagi projek pembangunan sebuah eco-resort mewah di Kampung Perdayan, Temburong yang sudah setentunya akan meningkatkan lagi industri pelancongan negara di Daerah Temburong (kiri dan atas).



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (tiga, kiri) hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak di antara Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bersama Eco-Green Development Sendirian Berhad dan Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad (kiri), sementara gambar atas, Majlis Penandatanganan MoU di antara KSSUP bersama Eco-Green Development Sendirian Berhad.

Bagi kerja-kerja membaik pulih Pejabat Daerah yang lama di Pekan Bangar adalah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh Eco-Green Development Sendirian Berhad, di mana syarikat tersebut juga akan mengendalikan dan menyelenggara bangunan, menyediakan pusat maklumat untuk pengunjung yang datang, mempamerkan ruang untuk masyarakat tempatan, di samping mempamerkan dan menjual produk serta kraf tangan tradisional tempatan.

Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad pula dilantik bagi projek pembangunan

sebuah pusat sungai di Kampung Batang Duri bagi tujuan membangun, membina dan menyelenggarakan pusat sungai yang mempunyai jadual waktu perkhidmatan ulang-alik temui dari Kampung Batang Duri ke taman yang dipercayai, di samping memastikan dan mengekalkan tahap piawaian keselamatan untuk semua pelawat adalah tinggi pada setiap masa.

Pusat sungai itu juga akan menjadi kawasan menunggu yang selesa untuk pengunjung semasa mereka menunggu ketibaan temui dan akan mempunyai kemudahan-kemudahan, termasuk sebuah surau, kawasan untuk

berwuduk, tandas dan bilik persalinan bagi keselesaan para pengunjung.

Selain itu, pusat tersebut akan mempunyai ruang untuk penduduk tempatan mempamerkan produk, kraf tangan dan kebudayaan yang unik melalui kerjasama dan perkongsian beliau dan masyarakat di Temburong.

Turut hadir ke majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP; Pegawai Daerah Temburong; Pegawai-pegawai Kanan KSSUP serta wakil-wakil dari Eco-Green Development Sendirian Berhad dan Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad.



50 Pegawai Kanan PPDB dinaikkan pangkat



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali hadir menyempurnakan kenaikan pangkat kepada Pegawai-pegawai Kanan PPDB (kanan dan kiri).

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

GADONG, Isnin, 6 Januari. - Seramai 50 orang Pegawai Kanan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dinaikkan pangkat bermula 7 Disember 2019. Kenaikan pangkat tersebut

merupakan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, majlis

pelantikan dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai kanan PPDB berkenaan berlangsung di Dewan Bankuet Mes Pegawai, Kompleks Ibu Pejabat PPDB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis tersebut, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri.

Pegawai-pegawai kanan PPDB itu terdiri daripada dua pegawai dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pesuruhjaya Polis; empat pegawai dinaikkan pangkat sebagai Penguasa Kanan Polis; seorang pegawai dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Penguasa Kanan Polis; tujuh pegawai dinaikkan pangkat sebagai Penguasa Polis; tiga pegawai dinaikkan pangkat

sebagai Pemangku Penguasa Polis; dua pegawai dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Penguasa Polis; 14 pegawai dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Timbalan Penguasa Polis; sembilan pegawai dinaikkan pangkat sebagai Penolong Penguasa Polis; empat pegawai dinaikkan pangkat sebagai Ketua Inspektor dan empat pegawai dinaikkan pangkat sebagai Inspektor Kanan.

Turut hadir, Timbalan

Pesuruhjaya Polis PPDB, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid dan isteri juga pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan para jemputan khas.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Sarjan 6472, Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.



ANTARA Pegawai Kanan PPDB yang dinaikkan pangkat dan diraikan pada majlis berkenaan (kiri dan bawah).



Pendaftaran GCE 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE bagi Mei / Jun 2020 dibukakan

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Januari. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan kini membuka pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' & IGCSE bagi bulan Mei / Jun 2020 hingga Sabtu, 15 Februari 2020.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang lengkap pada setiap Isnin hingga Khamis

pada sebelah pagi, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan pada sebelah petang, mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Keterangan lanjut bolehlah dirujuk dalam Surat Pemberitahuan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 1 / 2020.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan tidak lewat pada Sabtu, 15 Februari 2020.

Brunei - Singapura bertukar pandangan menangani jenayah rentas sempadan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Januari. - Seramai 20 orang pegawai kanan dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura menyertai Program Pertukaran Tahunan Latihan Bersama Kali Ke-5 yang dirasmikan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di Jabatan Perdana Menteri, Lettenan Kolonel (B) Pengiran Haji



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Antarabangsa dan Latihan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan T. Rajakumar menyampaikan ucapan balas.

Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob, di Jabatan Perdana Menteri.

Program selama 12 hari tersebut, yang dilancarkan sejak tahun 2015 disertai oleh beberapa pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam bersama dengan rakan sejawat dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, antara lain menyentuh mengenai keprihatinan dan usaha-usaha bersama berkaitan keselamatan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dalam menangani jenayah rentas sempadan, khususnya berkaitan dengan penguatkuasaan jenayah siber, pengganasan dan dadah.

Beliau juga menekankan tentang pentingnya hubungan rakyat ke rakyat dalam menangani cabaran-cabaran ini yang mana jumlahnya meningkat dan menjadi semakin rumit di peringkat global dan serantau.

Sementara dalam ucapan balas, Timbalan Setiausaha Tetap (Antarabangsa dan Latihan) di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan T. Rajakumar, menyentuh mengenai hubungan istimewa dan



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di Jabatan Perdana Menteri, Lettenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob (tiga, kanan) semasa hadir merasmikan Program Pertukaran Tahunan Latihan Bersama Kali Ke-5 di Jabatan Perdana Menteri.

rapat di antara pegawai-pegawai dari agensi-agensi penguatkuasaan kedua buah negara dan usaha bersama yang berterusan dalam menangani cabaran-cabaran sedia ada dan baharu berkaitan dengan jenayah rentas sempadan.

Fasa Pertama program tersebut diadakan di Negara Brunei Darussalam bermula dari 6 hingga 10 Januari 2020 dan ia meliputi lawatan-lawatan ke beberapa agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, termasuk Program Pembangunan Pasukan selama dua hari di Temburong.

Manakala bahagian kedua

program tersebut akan diadakan di Republik Singapura. Antara tujuan utama program berkenaan ialah untuk menyediakan platform bagi para peserta untuk bertukar-tukar pandangan dan kepakaran dalam perkara-perkara yang saling berkepentingan berkaitan dengan keselamatan dan sekuriti.

Dalam masa yang sama, ianya akan dapat mengukuhkan jalinan kerja dalam kalangan agensi-agensi di kedua-dua buah negara.

Juga hadir pada majlis perasmian tersebut, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Irwan bin Haji Hambali;

Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Ajman bin Haji Meludin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Raymond Chow; dan Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Perdana Menteri juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura.

Taklimat Orientasi pelajar Tahun 7 SMJA

Berita dan Foto :
Saerah Haji Abdul Ghani

merupakan salah seorang guru sekolah berkenaan.

Juga hadir semasa taklimat, Pengetua SM SMJA, Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut.

Taklimat antara lain mengetengahkan mengenai sistem akademik, peraturan dan disiplin sekolah tersebut yang disampaikan kepada para ibu bapa agar lebih memahami maklumat dan peraturan sekolah.

Program Orientasi akan diteruskan lagi pada 7 Januari esok, manakala pengajian untuk para pelajar yang baru masuk akan bermula pada Rabu, 8 Januari ini.



GURU SM SMJA, Dayang Shadimah binti Shahbuddin menyampaikan Taklimat Orientasi pada majlis itu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Januari. - Seramai 160 pelajar terdiri dari 105 pelajar lelaki dan 55 pelajar perempuan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) memulakan Program Orientasi untuk menyesuaikan mereka dengan alam persekolahan menengah selain sebagai persediaan dari segi fizikal dan mental.

Program Orientasi itu bertujuan bagi membolehkan para pelajar berdikari dan yakin diri serta mengetahui dan memahami peraturan-peraturan sekolah.

Di samping, ia juga untuk mengetengahkan proses pengenalan dan pemberian maklumat kepada ibu bapa atau penjaga serta pelajar tentang pelbagai maklumat berkaitan perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Sehubungan itu, Taklimat Orientasi Tahun 7 yang berlangsung di Dewan Mumtaz disampaikan oleh Dayang Shadimah binti Shahbuddin, yang



PENGETUA Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA), Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut (empat, kanan) semasa hadir pada Taklimat Orientasi Pelajar Tahun 7 sekolah berkenaan (atas). Manakala gambar bawah kiri dan kanan, antara Pelajar Baharu Tahun 7 SM SMJA.





TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif ketika berucap melancarkan Program Pasar Raya Sihat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Januari. - Pasar raya merupakan salah sebuah *setting* atau persekitaran strategik yang memainkan peranan penting dalam



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi ketika meninjau Program Pasar Raya Sihat di Pasar Raya T.M Majeed.



DR. Haji Zulaidi bergambar bersama pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dan kakitangan Pasar Raya T.M Majeed.

Penyediaan makanan sihat di Pasar Raya

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

mempengaruhi tingkah laku dan amalan pemakanan sihat dalam kalangan orang ramai.

Terdapat banyak pilihan makanan dan minuman yang dijual di pasar raya bagi membolehkan pelanggan membuat pembelian.

Sebahagian daripada pilihan tersebut adalah terdiri daripada pilihan lebih sihat yang mana ia boleh mendorong perubahan tingkah laku para pelanggan dalam menggalakkan pembelian produk makanan dan minuman yang lebih sihat.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan melaksanakan Program Pasar Raya Sihat yang bertujuan

untuk memperkasa orang ramai dalam membuat pilihan makanan dan minuman yang lebih sihat.

Program Pasar Raya Sihat di Pasar Raya T.M Majeed kali ini merupakan program kali ke-14 diadakan sejak ia dilancarkan pada tahun 2014.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan program berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif.

Pada majlis tersebut, Dr. Haji Zulaidi antara lain menjelaskan, dengan adanya kerjasama pihak yang berkepentingan seperti pasar raya-pasar raya di negara ini, ia

menyediakan salah satu landasan yang strategik dan berpengaruh dalam mendorong amalan pemilihan pemakanan sihat dengan menyediakan pelbagai jualan dan sajian produk makanan dan minuman yang sihat, berkhasiat dan bermutu serta dapat memberi tumpuan khusus kepada produk-produk makanan dan minuman yang telah direformulasi yang boleh dikategorikan atau dilabel sebagai pilihan yang lebih sihat.

Dengan adanya program seperti ini, ia diharap akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai dan mendorong kecenderungan kepada pilihan makanan dan minuman yang berkhasiat dan lebih sihat.

"Penyertaan sebuah lagi pasar raya dalam program ini dan juga sokongan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan adalah diharap ia juga akan merangsang dan mendorong pasar raya-pasar raya lain di Negara Brunei Darussalam supaya ikut serta dalam Program Pasar Raya Sihat di masa akan datang," tambahnya.

Tetamu kehormat kemudian melawat ke bahagian-bahagian rak-rak yang menyediakan produk-produk pemilihan makanan sihat.

Pada masa yang sama, program tersebut menggalakkan industri

makanan dan pasar raya tempatan untuk menyokong perubahan amalan pemakanan sihat dengan membekalkan dan menyediakan produk makanan dan minuman alternatif atau produk makanan dan minuman yang diiktiraf sebagai pilihan yang lebih sihat.

Kementerian Kesihatan juga berharap program ini akan dapat diteruskan dan dilaratkan ke pasar raya-pasar raya lain di negara ini dalam melibatkan sektor bukan kesihatan sebagai langkah bersama untuk mengurangkan kadar penyakit tidak berjangkit di negara ini, sekali gus merealisasikan Visi Kementerian Kesihatan iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan 'Wawasan Brunei 2035 : Kualiti Kehidupan Yang Tinggi'.

Paras air sungai sukarkan kerja pembaikan

Siaran Akhbar :
Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR) ingin memaklumkan kepada penduduk Daerah Tutong bahawa jabatan ini mendapati salah satu daripada dua paip *submarine* (berukuran 355mm MDPE) di bawah Jambatan Kampung Penapar bocor.

Walau bagaimanapun, paip yang bocor dapat diasingkan dan bekalan air masih diteruskan melalui salah satu paip *submarine* berkenaan.

Kerja-kerja pembaikan paip *submarine* yang bocor tersebut akan dilaksanakan sebaik sahaja JKR selesai melaksanakan pemeriksaan kerana paip berkenaan berada di bawah paras air sungai dan mengakibatkan kerja-kerja pembaikan sukar dilaksanakan.

Oleh demikian, beberapa kawasan berkemungkinan akan menerima gangguan bekalan air dan tekanan air rendah, terutama sekali kawasan tinggi.

Kawasan-kawasan terlibat, termasuk Mukim Pekan Tutong, Mukim Telisai, termasuk Perumahan Bukit Beruang, sebahagian Mukim Keriam dan sebahagian Mukim Tanjung Maya, Mukim Ukong dan sekitarnya.

Walau bagaimanapun, JKR ingin memberikan jaminan kepada orang ramai bahawa setiap langkah diambil untuk menangani masalah tersebut dan JKR berusaha untuk melaksanakan pembekalan air kembali seperti biasa secepat mungkin.

JKR ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air dan menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sekali lagi, JKR ingin memohon maaf atas perkara ini dan ingin berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai mengenainya.

Peserta berpeluang kembangkan kemahiran



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (kiri) menyampaikan Sijil Penghargaan dan Sijil Penyertaan Latihan Service Excellence in Hospitality / Food Service Industry bagi restoran-restoran di Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Pusat SEAMEO Voctech, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Persatuan Hotel-Hotel Brunei (BAH) mengadakan Latihan Service Excellence in Hospitality / Food Service Industry bagi restoran-restoran di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, sebagai menandakan berakhirnya Latihan tersebut, satu Majlis Penyampaian Sijil di Dewan Setia Pahlawan, di kementerian berkenaan.

Majlis penyampaian sijil tersebut disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Turut hadir, Pengarah Pusat SEAMEO Voctech, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli; Ketua Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, IBTE, Awang Muhd. Kamarul Izzudin

bin Haji Kamaluddin; dan Yang Dipertua BAH, Awang Mohd. Iswandi bin Maaruf.

Sebanyak 55 buah restoran mengikuti latihan di sepanjang bulan Ogos hingga November tahun lalu.

Sesi Pertama Latihan Amali diadakan sebanyak empat sesi, bermula pada 20 hingga 21 Ogos 2019, di KSSUP.

Sementara Sesi Kedua Latihan Amali diadakan pada 3 hingga 4 September 2019; Sesi Ketiga pada 28 hingga 29 Oktober; dan Sesi Keempat pada 11 hingga 14 November 2019.

Latihan Praktikal diadakan secara berterusan di Longhouse Restaurant, IBTE, di mana latihan berbentuk amali dan praktikal bagi Program Service Excellence in Hospitality / Food Service Industry diadakan di restoran terpilih juga menjadi tumpuan pelancong-pelancong yang datang ke negara ini, iaitu ke arah memastikan kualiti perkhidmatan memenuhi ekspektasi pelanggan.

Latihan adalah sebagai persediaan negara untuk menjadi

tuan rumah kepada ASEAN Tourism Forum (ATF) yang akan diadakan pada 12 hingga 16 Januari ini, di The Empire Brunei, Jerudong.

Program latihan bertujuan untuk menyediakan peserta-peserta meneroka asas-asas perkhidmatan pelanggan dalam konteks persekitaran industri hospitaliti berdaya saing.

Antara objektif latihan adalah bagi mengembangkan, mengusahakan dan memperkuatkan para peserta dalam kemahiran, pengetahuan dan sikap *service-*

delivery-oriented skills.

ATF bakal berlangsung tidak lama lagi dan merupakan kerjasama di antara Negara-negara Ahli ASEAN untuk mempromosikan ASEAN sebagai satu destinasi pelancongan yang diadakan setiap tahun dan dikendalikan secara bergilir-gilir dalam kalangan Negara-negara Ahli ASEAN mengikut susunan abjad negara.

Kira-kira seramai 1,500 delegasi, termasuk Menteri-menteri, Ketua-ketua Pertubuhan Pelancongan ASEAN, Republik Rakyat China, India, Jepun,

Korea dan Rusia akan turut hadir bagi menyertai forum tersebut.

Acara turut melibatkan penyertaan pihak-pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan negara-negara ASEAN, para media, pembeli antarabangsa dan pertubuhan-pertubuhan berkaitan dengan sektor pelancongan dari luar ASEAN, seperti Pertubuhan Pelancongan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO), Majlis Pelancongan dan Pengembalaan Sedunia (WTTC), dan lain-lain.

Berwaspada SMS palsu!

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin menasihatkan orang ramai agar lebih berwaspada dan berhati-hati berhubung kegiatan penghantaran pesanan ringkas Short Message Service (SMS) yang dipercaya bertujuan untuk membuat satu penipuan ataupun *scam* yang sedang tular di negara ini.

Menurut Siaran Akhbar PPDB pada Isnin, 6 Januari bahawa SMS tersebut dihantar menggunakan nombor-nombor talian yang berdaftar, antara lain seperti : +6737379798; +6738984954; +6738982565; +6737371123; +6737379796; +6738625010; +6737371605; dan +6737110156.

Maklumat diterima di dalam SMS tersebut menyatakan nombor penerima SMS tersenarai dalam Ahli Kelab VIP dan menyarankan untuk

melayari pautan (*link*) yang disediakan; Mendapat bonus besar dan disarankan bagi menuntut wang tersebut dengan menekan pautan yang diberikan; juga Penerima SMS terpilih untuk mendapatkan resit percuma untuk permainan judi dalam talian dan dikehendaki untuk menekan pautan bagi menuntut kemenangan.

Setakat ini, belum ada laporan kerugian yang dilaporkan kepada pihak PPDB, walau bagaimanapun, PPDB sedang giat menjalankan siasatan untuk mengenal pasti pemilik-pemilik nombor tersebut bagi dijalankan siasatan.

PPDB juga menegaskan kepada orang ramai agar tidak menyewakan nombor talian persendirian untuk kegiatan perjudian atau berunsur jenayah.

Selain itu, orang ramai

dinasihatkan jangan menyalahgunakan internet atau mana-mana platform media sosial bagi kegiatan jenayah; Jangan menyewakan atau memberikan akses akaun peribadi untuk kegiatan jenayah; Jangan terpedaya dengan Penipuan Cinta Dalam Talian (Love Scam); dan Jangan mengongsikan gambar-gambar dan data peribadi kepada orang yang tidak dikenali agar tidak menjadi mangsa Ancaman Seks (Sexortion).

Sekali lagi, PPDB ingin menasihatkan kepada orang awam agar tidak membahas SMS tersebut; juga jangan memberikan sebarang maklumat peribadi dan perakaunan kepada mana-mana pihak yang tidak dikenal pasti, terutama apabila menerima SMS sedemikian.

Pesan ini adalah bertujuan untuk langkah pencegahan dan peringatan kepada orang awam supaya tidak menjadi mangsa penipuan atau *scam* SMS seperti ini.



ANTARA yang hadir pada Majlis Penyampaian Sijil Latihan Service Excellence in Hospitality / Food Service Industry bagi restoran-restoran tersebut.

Beri perkhidmatan terbaik, berdisiplin



PEMANGKU Pengarah Kemajuan Pelancongan, Awang Haji Zulzalani bin Haji Osman selaku Pengurus Bersama ketika memberikan taklimat Pembarigaan ATF 2020 kepada Para Pengusaha Pengangkutan Awam, di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menjadi tuan rumah bagi acara ASEAN Tourism Forum (ATF) 2020 selama lima hari, bermula 12 hingga 16 Januari 2019.

Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran acara tersebut, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama dan sokongan daripada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengadakan Taklimat Pembarigaan ATF 2020

kepada Para Pengusaha Pengangkutan Awam, di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, di sini.

Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Awang Haji Zulzalani bin Haji Osman selaku Pengurus Bersama dalam ucapannya menjelaskan, antara objektif taklimat tersebut untuk memaklumkan kepada para pengusaha pengangkutan awam, iaitu teksi-teksi, bas-bas, penambang-penambang bot dan lain-lain mengenai acara ATF 2020

juga keperluan untuk persediaan bersama dalam memastikan para delegasi antarabangsa akan mendapat pengalaman lawatan terbaik, selesa dan selamat sewaktu berada di NBD.

Awang Haji Zulzalani seterusnya menyarankan agar para pengendali dan penyedia pengangkutan awam memberikan perkhidmatan terbaik dan berdisiplin bagi memastikan pengalaman lawatan juga imej yang positif bagi keselesaan dan keselamatan kepada lebih kurang 1,500 delegasi, termasuk delegasi-delegasi Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN dan Mesyuarat-mesyuarat yang Berkaitan, para pengusaha industri pelancongan juga pihak

media antarabangsa.

Menyentuh mengenai kawasan-kawasan utama bagi penyediaan pengangkutan sewaktu ATF 2020 jelasnya, termasuk hotel-hotel dan BRIDEX, Jerudong, tempat-tempat pelancongan utama seperti Kampong Ayer juga penggunaan perahu ke Daerah Temburong menuju ke Taman Negara Ulu Temburong.

ATF mula diadakan pada tahun 1981 sebagai kerjasama di antara negara-negara Ahli ASEAN untuk mempromosikan ASEAN sebagai satu destinasi pelancongan, di mana ia diadakan setiap tahun, dan dikendalikan secara bergilir-gilir dalam kalangan negara-negara Ahli

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

ASEAN mengikut susunan abjad negara.

Seramai kira-kira 1,500 delegasi, termasuk Menteri-menteri, Ketua-ketua Pertubuhan Pelancongan ASEAN, Republik Rakyat Cina, India, Jepun, Republik Korea dan Rusia akan turut hadir bagi acara tersebut.

Acara turut melibatkan penyertaan pihak-pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan negara-negara ASEAN, para media, pembeli antarabangsa dan pertubuhan-pertubuhan berkaitan dengan sektor pelancongan dari luar ASEAN, seperti Pertubuhan Pelancongan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO), Majlis Pelancongan dan Pengembalaan Sedunia (WTTC), dan lain-lain.

Maklumat lanjut mengenai ASEAN Tourism Forum boleh diperoleh melalui laman sesawang www.atfbrunei2020.com.

Turut hadir semasa Sesi Taklimat berkenaan, Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Pemangku Pengarah Penerbangan Awam, Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan (MPABD), syarikat-syarikat pengendali bas, persatuan teksi, DART, pengendali bot dan perahu tambang juga syarikat-syarikat kenderaan bersewa.

Dipenjara lapan bulan



WARGA tempatan, Abdul Qayyuum bin Haji Mohd. Rahim, berumur 29 tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Berikutnya tiga aduan yang dilaporkan ke pihak Polis, Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan siasatan sehingga berjaya menahan seorang lelaki, warga tempatan yang tidak bekerja, Abdul Qayyuum bin Haji Mohd. Rahim, berumur 29 tahun.

Menurut Siaran Akhbar PPDB pada Isnin, 6 Januari, hasil siasatan awal pada kejadian pertama pada 15 April 2019, suspek dipercayai memasuki kawasan petak jualan The Coffee Bean & Tea Leaf di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) dan dipercayai ada mengambil satu unit Speaker berwarna putih dan duit syiling di dalam mesin juruwang, berjumlah lebih kurang BND5.00.

Manakala pada kejadian kedua

Suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada 6 Januari 2020 bagi menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 379 dan 447 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan hasil sebutan kes, pihak Mahkamah menjatuhkan hukuman pemenjaran selama lapan bulan di Penjara Marabuorong, bermula 6 Januari 2020.

PPDB mengingatkan kepada orang ramai jika ada mendapati dan mengesyaki orang-orang yang mencuri-gakan, sila laporkan kepada pihak Polis untuk sebarang tindakan lanjut.

Tiada jangkitan dikesan, akibat kes penyakit pneumonia di Wuhan

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

yang berlaku pada 1 Januari 2020, suspek ada dipercayai masuk ke Restoran Foodzone, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) lalu mengambil satu mesin juruwang yang diletakkan di kaunter jualan dan membawanya ke tandas lalu membuka mesin tersebut menggunakan pemutar skru dan mengambil wang kertas, berjumlah BND4.00 serta wang syiling berjumlah BND17.00.

Kejadian terakhir berlaku pada sekitar waktu subuh, 2 Januari 2020, di mana suspek dipercayai pergi berjalan-jalan di dalam Bangunan YSHHB, Tingkat Laras Bawah, lalu terserempak dengan pengawal bangunan dan ditahan juga dibawa ke Bilik Pengawal untuk diambil maklumat suspek dan diserahkan kepada pihak Polis bagi tindakan lanjut.

Suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada 6 Januari 2020 bagi menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 379 dan 447 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan hasil sebutan kes, pihak Mahkamah menjatuhkan hukuman pemenjaran selama lapan bulan di Penjara Marabuorong, bermula 6 Januari 2020.

PPDB mengingatkan kepada orang ramai jika ada mendapati dan mengesyaki orang-orang yang mencuri-gakan, sila laporkan kepada pihak Polis untuk sebarang tindakan lanjut.

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan maklumat mengenai satu kluster kes-kes penyakit pneumonia yang teruk di Bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China. Sehingga 3 Januari 2020, pihak berkuasa Kesihatan China melaporkan 44 orang individu mengalami demam, sesak nafas, dan simptom-simptom lain yang konsisten dengan jangkitan pernafasan yang digelar pneumonia, yang mana punca penyakit masih tidak diketahui.

Sebagai respons pada maklumat ini, Kementerian Kesihatan berhubung rapat dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (W.H.O.), dan negara-negara serantau, termasuk China, untuk memantau dan menilai situasi keadaan. Pada masa ini, maklumat yang ada adalah terhad untuk menentukan risiko keseluruhan kejadian ini dan potensinya untuk menyebar ke peringkat antarabangsa.

Sementara menunggu maklumat lanjut dari siasatan makmal dan epidemiologi,

Kementerian Kesihatan akan terus mengekalkan kewaspadaan yang tinggi untuk mencegah, mengesan dan bertindak pada sebarang jangkitan pernafasan yang akut, atau penyakit-penyakit lain yang berpotensi untuk menjadi kecemasan kesihatan awam yang membawa kebimbangan antarabangsa. Sistem pengawasan kebangsaan yang dilaksanakan secara rutin akan meliputi pengesanan penyakit influenza, penyakit yang serupa dengan influenza, dan semua jenis jangkitan pernafasan akut yang teruk. Alhamdulillah pada masa ini, tidak ada kes jangkitan pernafasan akut yang teruk dikesan di Negara Brunei Darussalam, yang berkaitan dengan kejadian di Wuhan.

Pihak W.H.O. tidak menyarankan sebarang sekatan perdagangan atau perjalanan ke kawasan yang terjejas atau sebarang langkah khusus untuk para pelawat atau pelancong. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai dinasihatkan untuk mengekalkan amalan baik berikut pada setiap masa, iaitu elakkan bersentuhan dengan haiwan hidup yang sakit termasuk ternakan dan burung, dan memakan daging-daging yang mentah serta kurang masak; elakkan menghampiri

orang-orang yang tidak sihat atau menunjukkan gejala-gejala penyakit dan jaga kebersihan diri dengan baik; amalkan pembersihan tangan dengan menggunakan air yang bersih dan sabun sekerapnya (seperti sebelum mengendalikan makanan atau sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau apabila tangan menjadi tidak bersih akibat rembesan pernafasan selepas batuk atau bersin); pakai penutup muka (*mask*) jika awda mempunyai simptom-simptom pernafasan seperti batuk atau hidung berair; tutup mulut awda dengan tisu ketika batuk atau bersin, dan buang tisu yang kotor ke dalam tong sampah dengan segera; dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika awda berasa tidak sihat.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau keadaan, dan bekerja rapat dengan pihak W.H.O. serta negara-negara jiran dalam hal situasi ini, dan akan berusaha untuk memaklumkan orang ramai sebarang status terkini mengikut kesesuaian. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui laman sesawang www.moh.gov.bn.

Adab ketika mendapat mimpi yang baik dan buruk

KELUARAN KEDUA

SELAIN daripada perkara menceritakan mimpi di atas, ada beberapa adab yang ditutut melakukannya apabila mendapat mimpi yang baik ataupun buruk.

Imam Ibnu Hajar al-Haithami Rahimahullah Ta'ala menyebutkan dalam kitab Tharfu Al-Fawaid Wa Zharfu Al-Fawaid, bahawa apabila seseorang mendapat mimpi yang baik, maka dia ditutut melakukan tiga perkara, iaitu :

1. Bersyukur dengan memuji Allah Ta'ala.

2. Menunjukkan rasa gembira kerana mendapat mimpi yang baik.

3. Menceritakan mimpi tersebut, tetapi hanya kepada orang yang disukainya sahaja, tidak kepada orang yang dibencinya atau tidak disukainya.

Sementara jika seseorang mendapat mimpi yang buruk pula, maka dia ditutut melakukan empat perkara, iaitu :

1. Memohon perlindungan kepada Allah daripada kejahanan mimpi.

2. Memohon perlindungan kepada Allah daripada kejahanan syaitan.

Antara contoh memohon perlindungan kepada Allah daripada kejahanan mimpi dan kejahanan syaitan itu ialah seperti membaca :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ، وَسَيْقَاتِ الْأَخَامِ.

Ertinya : "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada pekerjaan jahat syaitan dan kejahanan mimpi".

Atau membaca :

أَعُوذُ بِكُمْ عَادِثَتْ بِهِ مَا لَكُمْ اللَّهُ وَرَبُّكُمْ مِنْ شَرِّ ذَيْلِي هَذِهِ أَنْ يُصْبِي فِيهَا أَخْرَى فِي دُنْيَايَ وَدُنْيَاكُمْ

Ertinya : "Aku berlindung dengan apa yang Malaikat Allah dan Rasul-Nya berlindung dengannya dari kejahanan mimpi ini sehingga menyebabkan terjadi ke atas diriku sesuatu yang buruk terhadap agamaku dan duniaku".

Ataupun membaca at-ta'awwudz :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

Ertinya : "Aku berlindung kepada Allah daripada syaitan yang direjam".

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir Radiallahuanhu, memohon perlindungan kepada Allah itu adalah sebanyak tiga kali.

3. Meludah ke kiri sebanyak tiga kali ketika bangun dari tidur. Adab meludah ke kiri ketika mendapat mimpi buruk ini disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abi Qatadah Radiallahuanhu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Mimpi baik daripada Allah, dan mimpi buruk daripada syaitan. Jika seseorang bermimpi (buruk), maka hendaklah meminta perlindungan kepada Allah daripadanya, dan berludah ke sebelah kirinya, maka sesungguhnya mimpi itu tidak akan memudaratkannya". (Hadis riwayat al-Bukhari)

Cara meludah yang dimaksudkan itu ialah meludah dengan lembut tanpa mengeluarkan air liur.

4. Tidak menceritakan mimpi buruk itu kepada sesiapapun sebagaimana disebutkan sebelum ini.

Disebutkan dalam kitab al-Futuh ar-Rabbaniyyah 'Ala al-Azkar an-Nawawiyyah bahawa ada tiga adab lain lagi yang boleh dilakukan apabila seseorang itu mendapat mimpi yang buruk, iaitu :

a) Menggerjakan sembahyang sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu :

Maksudnya : "... Maka sesiapa yang bermimpi sesuatu yang tidak disukainya, janganlah dia menceritakannya kepada sesiapa pun, tetapi hendaklah dia bangun dan melakukan sembahyang ..." (Hadis riwayat al-Bukhari)

b) Mengubah posisi tidur sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Jabir Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Jika salah seorang kamu bermimpi dengan mimpi yang tidak disukainya, maka hendaklah dia berludah ke kiri sebanyak tiga kali, dan juga memohon perlindungan kepada Allah daripada syaitan sebanyak tiga kali, dan juga hendaklah dia mengubah kedudukan tidurnya dari kedudukan yang sebelumnya". (Hadis riwayat Muslim)

c) Membaca ayat al-Kursi berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, sesiapa yang membaca ayat al-Kursi pada waktu malam tidak akan dimudaratkan dia oleh syaitan.

Imam al-Qurthubi Rahimahullah Ta'ala berkata : "Tidak diragukan dengan melakukan sembahyang seseorang itu secara tidak langsung akan melakukan beberapa adab yang disebutkan di atas. Ini kerana ketika dia bangun mengerjakan sembahyang nescaya dia akan bergerak mengubah posisi badannya, kemudian dia juga akan berludah ketika berkumur-kumur dalam berwuduk, dia juga akan berlindung kepada Allah Ta'ala dengan membaca at-ta'awwudz ketika melakukan membaca Surah Al-Fatiha dalam sembahyang dan kemudian dia juga akan membaca doa memohon kepada Allah supaya mendapat

kedudukan di sisi-Nya dan dihindari Allah Ta'ala akan keburukannya".

Ucapan Kepada Orang Yang Menceritakan Mimpi

Dalam kitab al-Azkar an-Nawawiyyah disebutkan tentang ucapan ketika mendengar orang menceritakan mimpi sebagaimana disebutkan dalam kitab Ibn as-Sunni Rahimahullah Ta'ala, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada orang yang menceritakan mimpi kepada Baginda, dengan ucapan :

حَسِيرًا رَأَيْتَ، وَخَيْرًا يَكُونُ.

Maksudnya : "(Semoga) kebaikan yang engkau lihat, dan (semoga) kebaikan juga yang akan berlaku".

Kemudian dalam hadis yang lain lagi, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada orang yang mengadukan mimpi kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan ucapan :

خَيْرٌ تَلَقَّاهُ، وَشَرٌّ تُوقَدُ، وَخَيْرٌ لَنَا وَشَرٌّ عَلَى أَعْدَائِنَا، وَالْخَيْرُ لِلْعَالَمِينَ.

Maksudnya : "(Semoga) kebaikan engkau temui, dan (semoga) kejahatan engkau terpelihara, dan (semoga) kebaikan bagi kami, dan kejahatan bagi musuh-musuh kami dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan semesta alam."

Hikmah Melakukan Adab Ketika Mendapat Mimpi Yang Buruk

Perbuatan-perbuatan yang ditutut melakukannya ketika seseorang mendapat mimpi yang buruk itu mengandungi hikmah yang tertentu, iaitu :

- Hikmah memohon perlindungan kepada Allah daripada kejahanan mimpi merupakan tuntutan syarak bagi menghadapi setiap perkara yang dibenci.

- Hikmah memohon perlindungan kepada Allah daripada kejahanan syaitan pula sebagaimana disebutkan dalam beberapa buah hadis bahawa mimpi buruk itu adalah daripada syaitan sehingga orang yang bermimpi itu terbayangkan sesuatu yang buruk dengan tujuan membuatkan anak-anak Adam merasa sedih dan takut.

- Hikmah meludah ke kiri sebanyak tiga kali ketika bangun dari tidur ialah bagi menghalau atau mengusir syaitan yang hadir dalam mimpi buruk itu sebagai tanda kehinaan dan kekotoran terhadap syaitan. Adapun dikhususkan meludah ke sebelah kiri adalah kerana sebelah kiri itu tempat membuang benda-benda yang kotor. Manakala tuntutan meludah sebanyak tiga kali adalah sebagai penekanan.

- Hikmah mengubah posisi tidur pula ialah bertafa'ul (bersangka baik) dengan mengubah posisi tidur itu, perkara buruk yang dilihat ketika mimpi itu diharapkan



IRSYAD HUKUM

جَاهَاتٍ مُفْيِيَةٍ كَلِيجَانْ

جَاهَاتٍ فَرِيقَانْ مُفْيِيَةٍ كَلِيجَانْ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunei.bn - fatwa@brunei.bn

akan berubah menjadi baik.

- Hikmah melakukan sembahyang selepas mendapat mimpi yang buruk pula adalah setentunya seseorang yang bersembahyang akan menghadap Allah Ta'ala dan berlindung kepada-Nya. Ini kerana apabila seseorang melakukan sembahyang nescaya terpelihara dia daripada segala keburukan dan ditunaikan keinginannya serta dikabulkan permintaannya disebabkan orang yang bersembahyang itu dekat dengan Tuhananya ketika dia melakukan sujud.

Doa Supaya Mendapat Mimpi Yang Baik Dan Terhindar Dari Mimpi Yang Buruk

Dalam usaha supaya terhindar dari mendapat mimpi yang buruk ataupun tidak disukai ada banyak doa-doa yang boleh dibaca ketika hendak tidur. Antara doa yang boleh dibaca sebagaimana disebutkan dalam kitab al-Futuh ar-Rabbaniyyah 'Ala al-Azkar an-Nawawiyyah ialah :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُؤْتَمِنًا صَالِحَةً غَيْرَ كَاذِبَةٍ، تَافِعَةً غَيْرَ ضَارَّةٍ.

Ertinya : "Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu supaya mendapat mimpi yang baik, iaitu (mimpi yang) benar bukan (mimpi yang) dusta, (mimpi yang) bermanfaat bukan (mimpi yang) mendatangkan kemudarat".

Doa di atas hendaklah di baca ketika hendak tidur, dan selepas membaca doa ini adalah disarankan supaya tidak berkata-kata lagi sehingga waktu subuh ataupun terjaga dari tidur di waktu malam.

Oleh itu, jelaslah kedudukan hukum menceritakan mimpi, hanya mimpi yang baik sahaja boleh diceritakan kepada orang, itu pun hanya kepada orang yang disukai, orang alim, orang bijaksana dan orang yang memberi nasihat. Sementara mimpi yang buruk pula tidak boleh diceritakan walau kepada sesiapapun. Saran dan larangan ini setentu mengandungi hikmah yang besar.

HALUAN

Dari muka 2

Dalam hubungan ini kita semua berperanan untuk memastikan stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV tidak berlaku atau dapat dibanteras - sama ada kita berada di rumah, di tempat belajar, di tempat kerja atau di tempat-tempat awam di mana orang ramai berkumpul. Ini dapat dicapai dengan melengkapi diri kita dengan maklumat yang betul mengenai HIV dan isu-isu yang berkaitan dengannya, supaya kita lebih memahami dan mengetahuinya, serta dengan memberi bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh mereka yang hidup dengan HIV. Para pemimpin di peringkat global juga telah mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh masyarakat dalam membanteras AIDS dan dalam

Amalan pencegahan jangkitan HIV-AIDS perlu diperkujuh

mencapai kesihatan untuk semua dalam deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang pertama mengenai liputan kesihatan sejagat yang telah diluluskan oleh Negara-negara Anggota pada September 2019. Dalam hubungan dan kesempatan ini, saya juga ingin mengiktiraf peranan penting serta menghargai sumbangan dan sokongan yang telah diberikan oleh Majlis AIDS Brunei (Brunei Darussalam AIDS Council) sebagai rakan strategik Kementerian Kesihatan, dalam meneruskan aktiviti-aktiviti advokasi, pendidikan kesihatan dan kesedaran awam serta sokongan bagi mereka yang hidup dengan HIV. Sebagai sebuah entiti yang beroperasi di peringkat masyarakat, Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam berkedudukan untuk lebih mengetahui dan mempengaruhi masyarakat setempat melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Walhal, langkah-langkah pencegahan masih lagi tumpuan utama Kementerian

Kesihatan dalam mengatasi jangkitan HIV, oleh itu, saya amatlah berharap dan menyarankan supaya NGO seperti Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam dan kumpulan-kumpulan masyarakat atau kumpulan-kumpulan belia yang lain, akan dapat turut sama-sama menyebarkan mesej dan maklumat mengenai pencegahan jangkitan HIV.

InsyaAllah, dengan adanya strategi yang meliputi pelbagai pendekatan, dari langkah-langkah pencegahan - termasuk pencegahan diskriminasi, penyediaan perkhidmatan ujian, kaunseling dan rawatan serta dengan penglibatan rakan kongsi dan juga pihak-pihak berkepentingan yang lain, Negara Brunei Darussalam akan dapat sama-sama mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ketiga, iaitu 'kesihatan dan kesejahteraan', khususnya, dalam mencapai sasaran untuk membanteras epidemik AIDS pada tahun 2030 (SDG 3.3) dan secara amnya,

to leave no one behind.

Sebelum mengundurkan diri, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada moderator forum serta para panel forum jemputan dan semua ahli jawatankuasa pengajur serta pihak-pihak berkepentingan lain yang telah sama-sama menjayakan Majlis dan Forum pada pagi ini. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas itu semua akan mendapat keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'ala ju.

Dengan melafazkan kalimah Bismillah Hir Rahman Nir Rahim serta Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya merasmikan Forum Implications of HIV in the Workplace'.

Sekian, *Wabillahi Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.*

Ahli Leksikografi perlu kuasai pelbagai disiplin ilmu

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Hasil perbincangan dalam Bengkel Perkamusan amat bermanfaat sebagai *manual* penyusunan Kamus Umum dan Kamus Istilah, terutama penerapan unsur-unsur Linguistik dalam pentakrifan, tata atur Morfologi dan mengesan Semantik, Pragmantik, khususnya dalam Makrostruktur dan Mikrostruktur Kamus.

Selain itu, Fasilitator Bengkel

Perkamusan 2020 turut mengingatkan betapa pentingnya pengumpulan korpus untuk membuktikan kesahihan kata.

Salah seorang Peserta Bengkel, Dayang Rosmariah binti Haji Alli menyentuh mengenai perkara itu pada Majlis Penutup Bengkel Perkamusan 2020 yang mengambil tempat di Bilik Pateh Berbai, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat,

seterusnya menyempurnakan Penyampaian Sijil kepada seramai 19 peserta bengkel, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.

Bengkel yang diadakan selama dua hari itu difasilitatorkan oleh Awang Haji Alipudin bin Haji Omarkandi selaku Ahli Jawatankuasa Pakar Rujuk Jawi yang mempunyai pengalaman luas dalam Bidang Perkamusan (Leksikografi) di dalam dan luar negara.

Perkamusan sangat sinonim sebagai Bidang Linguistik Terapan dan sesuai dengan sifatnya itu, maka perlunya Ahli Leksikografi yang menguasai pelbagai disiplin ilmu, mencakupi bidang Linguistik dan Ekstra Linguistik.

Sehubungan itu, dengan adanya bengkel tersebut diharap dapat menyumbang beberapa manfaat kepada negara khasnya dan DBP amnya sebagai salah sebuah Pusat Leksikografi Melayu di negara ini.

PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak (kiri) menyampaikan sijil kepada peserta bengkel (gambar kiri dan kanan).



Dijatuhi hukuman penjara 10 bulan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Hery Susanto, warganegara Indonesia, berumur 36 tahun didakwa dan didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan hari ini.

Tangkapan dibuat oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kastam Bandar Seri Begawan di Kawasan Bangunan Seri Rimba, Rimba, Gadong pada 6 Januari 2019 dan didakwa oleh Pegawai Pendakwa Kastam di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan bagi pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Antara barang yang dirampas adalah 13 katon dan 13 paket rokok pelbagai jenis. Semua barang yang terlibat dihukum rampas untuk dimusnahkan.

Tertuduh mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman denda Mahkamah sebanyak BND10,100 atau menjalani 10 bulan pemerlajarannya jika gagal membayar denda.

Tertuduh gagal membayar denda tersebut dan menjalani hukuman penjara 10 bulan di Penjara Maraburong bermula hari ini.



مقرنلکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦراغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

ITQSHHB terima 78 pelajar Tahun 7

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Ihsan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Januari. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) mengadakan sesi penerimaan kemasukan pelajar-pelajar baharu peringkat menengah, iaitu Tahun 7, yang

berjumlah seramai 78 orang bagi Sesi 1441 Hijrah / 2020 Masihi.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 33 penuntut lelaki berjaya terpilih untuk mengikuti dan meneruskan pengajian di ITQSHHB kali ini.



SESI pendaftaran kemasukan pagi pelajar lelaki diadakan di Dewan Serbaguna, Blok Asrama Lelaki ITQSHHB.

Sehubungan itu, mereka yang terpilih akan tinggal dan ditempatkan di asrama lelaki dan sesi pendaftaran kemasukan diadakan di Dewan Serbaguna, Blok Asrama Lelaki, di sini.

Sebelum penempatan asrama masing-masing, para pelajar akan didaftarkan oleh ibu bapa atau penjaga mereka terlebih dahulu, kemudian beredara untuk ke bilik masing-masing yang disediakan di institut itu sepanjang pembelajaran mereka di sana nanti, para pelajar dibenarkan untuk pulang ke rumah sekali dalam seminggu serta pada hari-hari cuti kelepasan awam.

Adapun tujuannya adalah untuk mendidik para pelajar supaya lebih berdikari, berdisiplin dan dapat menyesuaikan diri masing-masing dalam suasana pembelajaran Hafazan Al-Quran dan Akademik yang lebih kondusif.

Sementara Minggu Ta'aruf pelajar baharu juga turut diadakan seawal hari pendaftaran sehingga Jumaat iaitu bermula hari ini sehingga 10 Januari nanti.

Selain itu, pelbagai aktiviti akan dilaksanakan sepanjang minggu Ta'aruf ini sebagai pengisian yang berguna seperti qiamullail, solat berjemaah, kuliah agama, tazkirah, bengkel pengenalan hafazan Al-Quran, bengkel membaca khutbah dan bilal, taklimat-taklimat, acara sukan dan riadah yang dikendalikan oleh



INSTITUT Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) mengadakan sesi penerimaan kemasukan pelajar-pelajar baharu peringkat menengah, iaitu bagi pelajar Tahun 7 bagi Sesi 1441 Hijrah / 2020 Masihi.

pihak Institut.

Dari segi hal ehwal kebajikan, pihak ITQSHHB akan sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pelajar sebagai contohnya membantu anak-anak yatim, sosio ekonomi rendah dan memantau keperluan asasi persekolahan dan keputusan peperiksaan pelajar yang terpilih antara pelajar BIID ALAF.

Pihak ITQSHHB juga akan

sentiasa memantau keselamatan pelajar yang tinggal di asrama dari semasa ke semasa. Pegawai kesejahteraan dan penyelia asrama serta pegawai keselamatan akan bertindak jika sekiranya berlaku sebarang kejadian di asrama.

Dalam pada itu, pelajar-pelajar baharu juga diberikan taklimat mengenai dengan keselamatan jika berlaku kebakaran oleh pegawai bomba.

MKKJR tingkatkan penggunaan tali pinggang keselamatan



MD. Zulkarami bin Haji Mohd. Nor dan isterinya, Siti Fouziah binti Haji Kampong (atas) dan Dayang Suria Redhafarida binti Haji Bakar (kanan) menyatakan pemakaian tali pinggang keselamatan itu sangat penting.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) sering melaksanakan pelbagai inisiatif seperti aktiviti keagamaan, sesi dialog dan jerayawara, serta kempen dan juga pameran termasuk semasa acara Bandarku Ceria pada hari Ahad.

Semua inisiatif tersebut adalah memfokuskan kepada meningkatkan kesedaran Keselamatan Jalan Raya mengenai dengan perihal pentingnya orang ramai terutama para pemandu dan penumpang kendaraan bermotor supaya mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya antaranya penggunaan tali pinggang keselamatan dan jangan bertelefon semasa memandu.

Bahagian Penguatkuasaan



Jabatan Pengangkutan Darat juga sering mengadakan operasi bersepadu bersama Pasukan Polis Diraja Brunei bertujuan untuk memastikan para pengguna jalan raya tidak melanggar Akta dan Peraturan serta tanda-tanda keselamatan jalan raya.

Pendekatan Pelita Brunei menemu buah beberapa pengguna jalan raya, iaitu Md. Zulkarami bin Haji Mohd. Nor dan isterinya, Siti Fouziah binti Haji Kampong menyatakan pemakaian tali pinggang keselamatan itu sangat penting atas dasar keselamatan semasa kita memandu dan destinasi yang hendak di tuju jauh atau pun dekat.

Pasangan suami isteri dari Perumahan Kampung Lugu itu menekankan bahawa tidak rugi malah mendatangkan kebaikan

jika kita memakai tali pinggang keselamatan, kerana mengelak daripada perkara buruk terjadi dan kita banyak saksikan insiden yang tidak diingini berlaku lebih-lebih lagi kepada mangsa yang tidak menggunakan tali pinggang keselamatan.

Sementara Dayang Suria Redhafarida binti Haji Bakar pula menyarankan para pemandu dan penumpang kendaraan sama ada kereta, lori, trak, treler dan sebagainya supaya tidak lupa untuk sentiasa memakai tali pinggang keselamatan sama ada destinasi yang hendak di tuju jauh atau pun dekat.

Dayang Suria Redhafarida menambah, beliau selalu mengingatkan kepada ahli keluarganya supaya sentiasa memakai tali pinggang

keselamatan terutama sekali kepada anaknya agar terbiasa dan jadi amalan apabila menjelang dewasa setelah mendapatkan lesen memandu pada masa akan datang nanti.

Kesalahan tidak memakai tali pinggang keledar di bawah peraturan 8(1) Peraturan-Peraturan Kenderaan Bermotor (Tali Pinggang Keledar) 1988.

Kegagalan pemandu mematuhi Akta dan Peraturan yang ditetapkan khusus bagi kesalahan tersebut akan dikenakan kompaun dan tindakan tegas, iaitu kesalahan pertama BND150 dan sembilan mata Demerit, BND300 dan sembilan mata Demerit bagi kesalahan kedua dan kesalahan ketiga dikenakan sebanyak BND500 dan sembilan mata Demerit manakala kesalahan ke

Berita dan Foto :
Wan Muhammad Sahran
Wan Ahmad

empat akan dihadapkan ke mahkamah.

Dari tu, JPD menyarankan para pengguna jalan raya terutama pemandu-pemandu kendaraan bermotor agar sentiasa memakai tali pinggang keselamatan bagi pemandu dan penumpang kendaraan ketika berada di jalan raya, sentiasa mengamalkan bacaan doa sebelum memulakan perjalanan, mengurangkan kelajuan pemanduan terutama pada waktu hujan, jangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu, memastikan kendaraan secara keseluruhan termasuk semua tayar dalam keadaan baik dan jangan memandu di bawah pengaruh alkohol dan amalkan sikap pemanduan yang berhati-hati, berhemah dan beretika serta mematuhi undang-undang jalan raya setiap masa.

JPD juga mengalu-alukan orang ramai dalam sama-sama memastikan keselamatan semua pengguna Jalan Raya di negara ini sentiasa terpelihara. Sebarang aduan berhubung kesalahan lalu lintas boleh disalurkan melalui Talian Darussalam 123 atau Aplikasi WhatsApp Talian Darussalam +673 8333123.

Dengan adanya usaha-usaha yang diungkapkan adalah dihasrat dapat meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya pengguna-pengguna jalan raya untuk sama-sama meningkatkan keselamatan jalan raya di negara ini dan menghindari kejadian yang tidak diingini.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rimba I.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan

Raja Kita, Menghayati Bendera Dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Sekolah Menengah Rimba I.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran,



Haji Abdul Halim bin Haji Bujang dan Tenaga pengajar serta penuntut-penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Seramai 106 penuntut Tahun 7 menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera Dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Antara tujuan Program Taklimat Kenegaraan ini adalah sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara dan mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, bendera Negara dan lagu kebangsaan

Pengisian program taklimat kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah

ANTARA Pelajar-pelajar perempuan Tahun 7 Sekolah Menengah Rimba I yang hadir pada sesi taklimat itu.



SEORANG pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Rimba I menyertai acara Kuiz yang diberikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan.

Peliharaan Sultan' dengan terperinci.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara

Menaikkan Bendera Negara' dan menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.

Mesyuarat Agung Tahunan WARGAMAS, 11 Januari



YANG Di-Pertua WARGAMAS, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin (tengah) hadir mempengerusikan Sidang Media mengenai Pertubuhan WARGAMAS (atas). Sementara gambar kanan, antara ahli-ahli wanita pertubuhan tersebut yang hadir pada majlis tersebut.



Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin.

Menurut Yang Di-Pertua WARGAMAS, sidang media antara lain bertujuan untuk memberiarkan pertubuhan WARGAMAS agar ia diketahui oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, khususnya warga emas 60 tahun ke atas dan bakal warga emas yang berumur 40

hingga 60 tahun yang dibolehkan untuk menjadi keahlian WARGAMAS.

Pengiran Haji Mohd. Salleh turut mengongsikan bahawa pihak Registration of Societies, Jabatan Polis Diraja Brunei meluluskan penubuhan Warga Emas Brunei Darussalam dengan gelaran WARGAMAS pada 24 Ogos

2019.

Sehubungan itu, beliau menjemput semua ahli WARGAMAS untuk hadir ke Majlis Perasmian Agenda Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) WARGAMAS yang pertama pada Sabtu ini, 11 Januari 2020, di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Januari. - Bagi membarigakan dan menguaruarkan mengenai pertubuhan WARGAMAS, satu sidang media diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,

di sini. Hadir mempengerusikan Sidang Media tersebut ialah Yang Di-Pertua WARGAMAS, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin.

Juga hadir ialah Timbalan Yang Di-Pertua WARGAMAS, Awang


**YAYASAN SULTAN HAJI
HASANAL BOLKIAH**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut dalam perkhidmatan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah;

1. Pegawai di Bahagian Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB)

Kelayakan Asas :

- i. Mempunyai Ijazah dalam bidang pengurusan, pentadbiran atau lain-lain bidang yang bersesuaian.
- ii. Mempunyai pengalaman kerja tidak kurang dari 3 tahun dalam pengurusan, pentadbiran atau lain-lain yang bersesuaian.
- iii. Fasih dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang :

- i. Berkebolehan membaca Al-Quran dengan lancar dan baik.
- ii. Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Arab
- iii. Mempunyai pengetahuan luas tentang Kesenian Islam.
- iv. Mempunyai pengetahuan dan / atau kemahiran dalam bidang Kaligrafi Islam.
- v. Mempunyai kelulusan MBA.
- vi. Mahir menggunakan peralatan dan perisian teknologi maklumat.

Tugas dan Tanggungjawab :

- i. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian.
- ii. Merancang dan melaksanakan fungsi, rancangan dan kegiatan PPKKI YSHHB
- iii. Melaksanakan pengurusan dan pentadbiran harian PPKKI-YSHHB
- iv. Menyediakan laporan-laporan PPKKI-YSHHB
- v. Membuat penyelidikan, perancangan dan cadangan mengenai kemajuan dan perkembangan PPKKI-YSHHB
- vi. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dari semasa ke semasa

Pemohon-pemohon adalah diminta untuk menghadapkan surat permohonan dengan menyatakan tajuk perkara **PEGAWAI DI BAHAGIAN PUSAT PENGAJIAN KESENIAN DAN KALIGRAFI ISLAM YSHHB** berserta salinan keterangan peribadi dan salinan sijil-sijil kelulusan dan kelayakan untuk penelitian ke e-mel recruitment@yshhb.org.bn atau hantar ke alamat berikut :

Pengarah Urusan
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
 Jalan Perdana Menteri
 Bandar Seri Begawan, BA1511
 Negara Brunei Darussalam

Tarikh tutup permohonan pada **Khamis, 16 Januari 2020, jam 5.00 Petang**.

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
**BIL. TAWARAN :
UBD/E8/018/2019**
KETERANGAN :

TO SUPPLY, DESIGN, TESTING & COMMISSIONING OF ONE (1) UNIT LABORATORY BIOMASS REACTOR USING SEMI FLOW HOT COMPRESSED WATER SYSTEM C/W TWO (2) UNITS DOUBLE PLUNGER PUMP WITH CONTROLLER, CAMES, UBD

**BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN :**
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh tutup :
Tidak lewat jam 2.00 PETANG pada
SELASA, 21 JANUARI 2020.


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Sebut Harga 1 :
**PEMBINAAN COVERED WALKWAY
DARI LETAK KERETA P3 KE
BANGUNAN TERMINAL, LAPANGAN
TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI
AME / 2019-2020 / SH - 116
(Kelas I)**

Tajuk Sebut Harga 2 :
**KERJA-KERJA PEMASANGAN
PANEL-PANEL DI BANGUNAN
SATELLITE, LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA BRUNEI
AME / 2019-2020 / SH - 117
(Kelas I)**

Tajuk Sebut Harga 3 :
**KERJA-KERJA MERATAKAN TANAH
DI KAWASAN AIRSIDE THRESHOLD
03, LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA BRUNEI
AME / 2019-2020 / SH - 118
(Kelas I)**

Tajuk Sebut Harga 4 :
**PEMASANGAN ALUCABOND PANEL
KE PAGAR BANGUNAN LAPANGAN
TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI
AME / 2019-2020 / SH - 119
(Kelas I)**

Tajuk Sebut Harga 5 :
**PEMASANGAN PAGAR BAHRU
BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN
PENERBANGAN AWAM
AME / 2019-2020 / SH - 120
(Kelas I)**

Tajuk Sebut Harga 6 :
**THE PROVISION OF
COMPREHENSIVE MAINTENANCE OF
SIXTEEN (16) UNITS OF DORMA ES200
AUTOMATIC SLIDING DOOR SYSTEM
AT BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT
AME / 2019-2020 / SH - 121**

Tarikh iklan / mengambil dokumen
sebut harga :
**Bermula Selasa, 7 Januari 2020
selama dua minggu**

Tarikh terakhir mengambil
dokumen sebut harga :
**Selasa, 21 Januari 2020
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup sebut harga :
**Rabu, 22 Januari 2020
(hingga jam 2.00 Petang)**

**JABATAN PENGAJIAN
ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

BILANGAN SEBUT HARGA :

**1) KHEU / JPI / JKS / 19 /
2019 - 2020**

KETERANGAN :

**MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR PERALATAN
KERUSI DEWAN
MULTIPURPOSE HALL
BAGI SEKOLAH MENENGAH
ARAB RIMBA,
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA TAHUN
1441H/2020M**

**BAYARAN YURAN TAWARAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**

**TARIKH TUTUP TIDAK LEWAT
PADA :**
**RABU, 26 JAMADILAWAL 1441H /
22 JANUARI 2020M
TIDAK LEWAT JAM
2.00 PETANG**

**Sesi taklimat : 11 Januari 2020 (Sabtu).
Jam : 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
atau
1.45 Petang hingga 3.30 Petang**

Bertempat :
 Dewan Serbaguna
 Bangunan Kejuruteraan
 Dan Pemeliharaan Aset (AME)
 Jabatan Penerbangan Awam
 Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN RADIO DAN
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA
MENTERI**
NOTIS SEBUT HARGA

**TENDER NO. :
RTB / K / 187 / 19 - 20
FABRICATE, INSTALL AND
DISMANTLE BACKDROP SET
UNTUK PROGRAM HIBURAN TV,
BAHAGIAN RANCANGAN TV**

**Bayaran tawaran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 Januari 2020
(jam 2.00 Petang)


**JABATAN
KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**


**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : II & III
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHRU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
21 JANUARI 2020 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :
4 FEBRUARI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 32 / BTKS / 2019 - T / II**

**NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKI PULIH
TANAH SUSUR BAGI SEGMENT
KABEL BAWAH TANAH GPS2
KE TUNGKU DAN TUNGKU
KE LAMBAK**

NO. PROJEK : JKR / BTKS / BM1852

**YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

YURAN E -DOKUMEN : -


**OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**
MAKLUMAN SEBUT HARGA

BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (01-2020)

TAJUK SEBUT HARGA

SUPPLY AND INSTALL OF SOLAR LIGHTS AT ALL TERATAK COMPOUNDS IN OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM KEM BATANG DURI, TEMBURONG

Tarikh Akhir Mengambil Borang :
14 Januari 2020 (Selasa)
Tarikh Tutup Tawaran :

**16 Januari 2020,
jam 2.00 Petang (Khamis)**


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

TO DEVELOP AND OPERATE A CAFÉ ON APPROXIMATELY 1,200 SQUARE FEET AT ARRIVAL HALL OF BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

**Reference:
DCA / MKG / 2019 / T4A**

**Document fee :
BND30.00 only (Non-Returnable)**

**Closing date :
Tuesday, 14 January 2020,
2.00 PM**


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 44 / 2019**

**MAINTENANCE OF GOLF COURSE
AT BERAKAS GARRISON,
ROYAL BRUNEI ARMED FORCES,
MINISTRY OF DEFENCE**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

KELAS : II & KEATAS SAHAJA

KATEGORI KPB12 AND/OR S03

**TEMPOH PENYIAPAN :
SATU (1) TAHUN**

**TARIKH TUTUP :
21 JANUARI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

DOKUMEN-dokumen tawaran boleh diperoleh di Bangunan Arkib

Waktu bagi menerima bayaran dan mengambil dokumen tawaran :

**Isnin hingga Rabu
8.00 Paggi hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Paggi hingga 10.30 Paggi**


**UNIT TEKNOLOGI
MAKLUMAT
DIVISYEN
PENGURUSAN KORPORAT
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**
NOTIS SEBUT HARGA

**BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.10 / 2019 / T01
INVITATION TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, CONFIGURATION,
TESTING AND TRAINING OF
FLOWAVE PLATFORM FOR
MINISTRY OF DEVELOPMENT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Yuran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Yuran E-Dokumen :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Buka Tawaran :
31 Disember 2019**

**Tarikh Mula Mengambil Dokumen Tawaran :
2 Januari 2020**

**Tarikh Tutup :
14 Januari 2020 (sebelum jam 2.00 Petang)**

**JABATAN
PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN**


**BIL. TAWARAN :
JAPEM / 2020 / RENOVATIONS
PUSATBAHAGIATUTONG / WR**

**PERKARA :
RENOVATIONS FOR PUSAT
BAHAGIA TUTONG**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh diperoleh semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

**Waktu bagi menerima bayaran :
Isnin hingga Khamis
8.30 Paggi hingga 12.00 Tengah Hari
Sabtu
8.30 Paggi hingga 10.00 Paggi**

**Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada Selasa, 21 Januari 2020, jam 10.00 Paggi.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**BERMULA DARI PERSIMPANGAN
JALAN JERUDONG MENUJU
PERSIMPANGAN LUGU**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**E - DOKUMEN :
TIDAK ADA**


KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
KENYATAAN TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
(01) KKBS / PTD / 1.1 / 76**

**TAJUK TAWARAN :
PEMBEKALAN PERALATAN ALAT
TULIS BAGI KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**BILANGAN TAWARAN :
(02) KKBS / PTD / 1.1 / 76**

**TAJUK TAWARAN :
PEMBEKALAN PERALATAN
PEJABAT (TONER, INK DAN DRUM
PRINTER) BAGI KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**



**TARIKH TUTUP TAWARAN :
Tidak lewat Selasa, 21 Januari 2020
jam 2.00 Petang.**



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM
KELAS : I & II
KATEGORI :-**

**Tarikh akhir mengambil dokumen
tawaran :**

20 Januari 2020 (Isnin)

Tarikh tutup :
22 Januari 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1001 / 2020

Tajuk Projek :
TO PROVIDE 30 MONTHS
STORAGE FACILITIES RENTAL
FOR 50' FOOT RACING BOAT AND
PONTOON, MINISTRY OF HOME
AFFAIRS
(RETENDER)

BIL : KHEDN / BPE / Q1001 / 2020

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1001 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**SENARAI NAMA BARANG EMS
SPEEDPOST YANG BELUM DIKUTIP
BAGI BULAN JANUARI 2019
HINGGA MAC 2019****NAMA, ALAMAT DAN 'TRACKING
NUMBER'**

1. FAKHREIYAH MENUDIN
KAMPUNG MENTIRI JLN KOTA BATU
EE783527445TW

2. MD. SHUKRI AMIN BIN HJ. MD. ALI
KAMPUNG JERUDONG
EE052291290MY

3. NURHAMDENAH HJ. MD. MUSA
KAMPUNG BENGKURONG
EE041220655MY

4. SUYANTI
STKRJ LAMBAK KIRI
EE170300999ID

5. MEGAT
KAMPUNG SUNGAI HANCING
EE151806133ID

6. SUTITAH
KAMPUNG SUNGAI BESAR
EE142876391ID

7. AMIR RASHID
RPN KAMPUNG PANCHOR
EQ00627625MY

8. HARYONO / RINA
KAMPUNG MATA-MATA
EE196438513ID

9. PT.MAGNA JAYA MONEY
JLN PEMANCA BANDAR SERI BEGAWAN
EE197009997ID

10. AINUL ZAFIRAH AMDAN
RPN RUMAH TERES KG MENTIRI
EE051597715MY

11. SNO-FOOD TRADING MS FHEY
SANTOS
ABRACO INDUSTRIAL PARK
KAMPUNG LAMBAK KANAN
EF898250695JP

12. MR. PATRICK LAU
(BORNEO AGRORTECH S/B) KN NURSERY
(B) SDN. BHD.,
KAMPUNG TANJUNG BUNUT
EE029322894MY

13. ROFIK P
ET ARENA COMPANY SURIA KIULAP
EE155423908ID

14. MR. KENNY KIO
GOLDMYNE SDN. BHD. MADANG
COMPLEX
KAMPUNG MADANG
EE161149547TH

15. MUHD. FATHIN ZAKIYYAH HJ. SAILI
KAMPUNG JERUDONG
EN025786543JP

16. SARINAH HJ. DAMIT
STKRJ KAMPUNG LUGU
EE021636132MY

17. TANTI CASWIYATI
PONDOK SARI WANGI SENGKURONG
EE153448487ID

18. ASMADI HAJI IBRAHIM
RPN KAMPUNG RIMBA
EN026107154JP

19. HENDAYANA
BANGUNAN HJ. TAHIR JALAN GADONG
EE147275221ID

20. JESSY LIM
JERUDONG INTERNATIONAL SCHOOL
KAMPUNG TUNGKU
EK999493816GB

21. FARIZAH WAHAB
KAMPUNG TANJONG NANGKA
EE053797683MY

22. SAUFI ABD. GHANI
KAMPUNG RPN LAMBAK KANAN
EE055051510MY

23. BIGMORE TRADING SERVICE CO.
BOBBY CHEAH
KAMPUNG SELAYUN SENGKURONG B
EE010283862MY

24. SUTISNA
KAMPUNG SUNGAI BESAR
EE192211071ID

25. ARIFIN YUSOF
KAMPUNG BENGKURONG
EE200748845ID

26. NURLAELA WAHYUNI
THE CORNER HOUSE TANJONG
NANGKA
SENGKURONG
EE189424964ID

27. TRI SUNARTI
RPN. KAMPUNG RIMBA
EE189758993ID

JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NOTIS PEMBERITAHUAN

JABATAN TANAH, Kementerian Pembangunan sukacita menarik perhatian semua pemilik-pemilik tanah bergeran di Negara Brunei Darussalam supaya akan menjelaskan cukai tahunan tanah-tanah yang mereka miliki pada setiap tahun. Mereka juga dikehendaki membayar tunggakan cukai tahunan tanah mereka, jika ada. Kegagalan pemilik-pemilik tanah untuk membayar cukai tanah dan tunggakan cukai tanah tahunan mereka dalam tempoh yang telah diberikan, Jabatan Tanah boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Bab 18 Kanun Tanah Penggal 40 di mana pihak Kerajaan berhak untuk merampas dan menjual mana-mana harta alih [movable property] yang ada di atas tanah mereka dan juga berhak untuk menjual dan mengambil balik tanah mereka.

Oleh yang demikian, semua pemilik tanah di Negara Brunei Darussalam diminta untuk membayar cukai tahunan tanah dan tunggakan cukai tahunan tanah mereka di mana-mana kaunter pembayaran pejabat tanah seluruh daerah pada waktu pembayaran yang telah

ditetapkan dengan tidak mengikut lokasi tanah mereka.

Waktu pembayaran cukai tanah di kaunter-kaunter pembayaran Pejabat Tanah seperti berikut :

PEJABAT TANAH DAERAH BRUNEI
DAN MUARA

Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 Paggi hingga 11.00 Paggi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang

Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam
Tutup

PEJABAT TANAH DAERAH BELAIT,
TUTONG DAN TEMBURONG

Isnin hingga Khamis
8.00 Paggi hingga 11.00 Paggi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu

8.00 Paggi hingga 11.00 Paggi
1.45 Petang hingga 2.45 Petang

Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam
Tutup

44. DZOFFRI HAJI ABD. HAMID
RPN LAMBAK KANAN
EH225379721GB

45. MYRHA
STKRJ LAMBAK KANAN
EE179737530ID

46. TAN GUAT TIN
KAMPUNG KIARONG JALAN DATO
RATNA
EE052478330MY

47. TAN KELVIN
BANGUNAN BERSURAT JALAN BATU
BERSURAT
EJ708732283JP

48. HAJAH AMINAH HAJI TIMBANG
KAMPUNG PERPINDAHAN SERASA
EE057164430MY

49. AFIQ WHALID
RPN KAMPUNG RIMBA
EE053397990MY

50. GUFRON
JALAN BERAKAS
EE199440754ID

51. SUMANI
KAMPUNG MATA-MATA GADONG
EE196598325ID

52. HADIMIN SHAHBUDDIN
RPN KAMPUNG MERAGANG
EE037877119MY

53. MR. MOHAMED ANWAR ALI
SYARIKAT TEEYAM MAJEED
KAMPUNG KILANAS
EE199819502ID

54. ONG BONG CHE
KAMPUNG RIMBA
EE198385739ID

55. SYARIKAT SIRAH TRADING
SENGKURONG
EE013890915MY

56. IBU NURIFAH
KAMPUNG SUBOK
EE192387484ID

57. WARDI ABDUL LATIP
RPN KAMPUNG RIMBA
EP850013644US

58. ENCORE SDN. BHD.
BANGUNAN AWANG HAJI IBRAHIM
KAMPUNG SENGKURONG
EE677932225TW

59. ARAILYM AMANGELDIYEVA
ARMADA RIMBA JALAN DANG
KUMALA
EA150721476BE

Sekolah Arab Belait catat peningkatan pendaftaran

Berita dan Foto : Noraishah Haji Muhammed

BELAIT, Isnin, 6 Januari. - Seramai 42 penuntut Sanah 5 yang lulus Peperiksaan Calon Sekolah Arab bagi Daerah Belait berjaya masuk ke sekolah berkenaan, iaitu 22 penuntut lelaki dan 20 penuntut perempuan.

Majlis pendaftaran bagi penuntut Sanah 5 bagi Sesi 1441H bersamaan 2020M diselajurkan dengan pembukaan minggu Ta'aruf yang diadakan di Surau Sekolah Arab Belait.

Penuntut yang lulus kebanyakannya dari kawasan Kuala Belait, Panaga, Seria dan juga Lumut.

Pada tahun ini, pihak sekolah telah membuka sebanyak dua buah kelas Sanah 5.

Minggu Ta'aruf diadakan selama

dua hari, mulai hari ini hingga 7 Januari 2020.

Tujuan Minggu Ta'aruf diadakan adalah untuk membiasakan penuntut-penuntut baharu dengan budaya Sekolah Arab Belait dan menyesuaikan diri bersama rakan-rakan baharu.

Antara perisian Minggu Ta'aruf adalah pengenalan etos dan budaya sekolah, pengenalan atas Bahasa Arab, ceramah motivasi, klinik solat, taklimat kesihatan, taklimat disiplin, ceramah motivasi, pertandingan azan serta menghafaz ayat-ayat lazim.

Temu bual bersama Guru Besar Sekolah Arab Belait, Dayang Hajah Noramalina binti Haji Mohd. Ali mengongsikan pada

tahun ini, Sekolah Arab Belait mencatat peningkatan pendaftaran penuntut sebanyak 4.6 peratus.

Kesemua penuntut yang mendaftar masuk merupakan atas minat mereka sendiri dan mereka juga tertarik kepada pelbagai aktiviti serta program Bahasa Arab yang bakal disediakan.

"Setakat ini, majoriti pelajar bersedia untuk mempelajari subjek aliran Arab dengan dorongan ibu bapa serta guru-guru," tambah beliau.

Taklimat mengenai Pentadbiran Sekolah disampaikan oleh Guru Kanan Pentadbiran, Awang Mohamad Isfardi @ Mohamad Isyraf Amadi bin Haji Mohd. Ja'afar.

Sementara Taklimat mengenai Akademik disampaikan oleh Guru Kanan Akademik, Pengiran Hajah Masniah binti Pengiran

Husin.

Manakala Taklimat mengenai Hal Ehwal Pelajar disampaikan oleh Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar, Dayang Nur Hafizah binti Haji Awang Mohidin.

Selesai sesi soal jawab, ikrar Penuntut Sanah 5 dibacakan beramai-ramai yang diketuai oleh Raed dan Raedah Sekolah Arab Belait.

Adalah menjadi harapan pihak sekolah agar penuntut-penuntut baharu akan dapat menyesuaikan diri dengan budaya sekolah Arab dan persekitarannya.

Penuntut juga diharap akan sentiasa bersedia dan kekal bersemangat walau apa pun cabaran yang bakal ditempuhi terutama sekali dalam mempelajari subjek-subjek dalam aliran Arab baik dalam bidang akademik maupun kokurikulum.



GURU Besar Sekolah Arab Belait, Dayang Hajah Noramalina binti Haji Mohd. Ali.



SERAMAI 42 penuntut Sanah 5, iaitu 22 penuntut lelaki dan 20 penuntut perempuan yang lulus Peperiksaan Calon Sekolah Arab bagi Daerah Belait berjaya masuk ke Sekolah Arab Belait (atas dan kanan).



Berasa lapang melalui sifat Qana'ah

منوجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولان قوسة دعوه اسلاميه

SUDAH menjadi kelaziman, setiap kali kehadiran tahun baharu semestinya disambut dengan tekad dan azam baharu untuk memperbaiki diri. Oleh yang demikian, sempena tahun baru ini, satu sifat yang patut diwujudkan dalam diri kita adalah sifat *Qana'ah*. Sifat *qana'ah* itu sangat ditekankan oleh agama di mana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa menganjurkan agar kita sentiasa bersifat *qana'ah* dalam kehidupan sepertimana sabdanya dalam hadis Imam at-Tirmidzi, yang bermaksud : "Sungguh beruntung orang yang Islam, memperoleh kecukupan rezeki dan dianugerahi sifat *qana'ah* atas segala pemberian".

Jelaslah, jika seorang individu itu memiliki tiga perkara yang dinyatakan Rasulullah ini, ia akan beruntung kerana akan mendapatkan kebaikan di dunia dan di akhirat.

Qana'ah menurut bahasa adalah berasa cukup. Manakala, menurut Istilah adalah berasa cukup dengan semua rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala,

sama ada banyak atau sikit. Dengan sifat tersebut, ia mampu menjauahkan diri dari sifat tamak dan seterusnya berasa cukup dengan apa yang ada. Imam an-Nawawi menerangkan bahawa *qana'ah* adalah sifat yang "Puas dengan apa yang dimiliki tetapi tetap berusaha gigih serta mempunyai sifat luhur dan *'afaf* ; iaitu enggan meminta-minta, berlaku sederhana dalam kehidupan dan berbelanja, serta mencela (mengelak) meminta-minta tanpa keadaan darurat (keperluan mendesak)".

Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah pernah bersabda :

"Bergembiralah dan carilah sesuatu yang dapat menghairahkan kamu, tetapi demi Allah! Bukanlah kemiskinan dan kefakiran yang aku khuatirkan, tapi aku khuatir kalau dunia ini membentangkan segalanya di hadapanmu, kemudian kamu berlumba-lumba mengumpulkan kekayaan seperti mereka juga mencarinya kemudian kamu binasa kerana hartamu seperti yang pernah menimpak mereka".

Oleh yang demikian, banyak manfaat yang diperoleh daripada sifat *qana'ah* ini antaranya adalah ia boleh memperkuat iman, memperoleh kehidupan yang baik, menjaga dari perbuatan dosa, memperoleh kekayaan yang hakiki dan memperoleh kemuliaan. Sifat *qana'ah* juga secara tidak langsung dapat membendung sifat tamak haloba, cemburu dan iri hati terhadap apa yang

dimiliki oleh orang lain.

Justeru itu, seseorang itu akan berasa lapang dengan rezeki yang diberikan Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya dan hilang rasa tamak terhadap apa yang tidak dapat dicapai olehnya.

Sifat ini juga dapat merealisasikan sifat syukur bahkan ia mempunyai ikatan yang erat dengan sifat syukur. Dua sifat ini saling memerlukan kerana tanpa sifat syukur tidak akan terbit sifat *qana'ah*, begitu juga sebaliknya. *Qana'ah* adalah buah kesyukuran yang membuat hati dan jiwa yang tenang kerana tidak mengeluh dengan keadaan yang tidak sesuai keinginan.

Meski demikian, orang-orang yang memiliki sifat *qana'ah* ini tidak bererti dia menerima nasib begitu saja tanpa ikhtiar dan usaha serta membiarkan segala kekurangan

dan kehidupan yang rendah, lemah semangat untuk mencapai cita-cita yang lebih tinggi. Tambahan lagi dalam era globalisasi sekarang, berbagai keperluan asasi yang perlu dipenuhi dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Begitu juga, nilai harga yang semakin naik sepanjang seolah-olah menuntut desakan kewangan yang sangat tinggi. Dalam situasi dan tuntutan ekonomi yang dihadapi kebanyakan kita pada masa ini, umat Islam seharusnya tidak hanya berlandaskan keinginan nafsu semata-mata sebaliknya jadilah pengguna yang bijak, berhemah dan tidak tamak. Wujudkanlah sifat *qana'ah* yang mulia ini sebagai senjata

untuk menghadapi ujian dan cabaran hidup.

Oleh kerana itu berusaha keras adalah tuntutan agama tetapi ia harus diiringi dengan sikap reda atas apapun hasil yang Allah berikan agar kita terhindar dari hal-hal yang tidak diinginkan. Dengan sifat berdikari dan usaha keras tersebut, kita bertawakal kepada Allah untuk mendapatkan yang lebih baik dan dalam masa yang sama tidak akan mudah terpedaya oleh tipu daya dunia. Janganlah sampai kita berduakita dan berkeluh kesah akan kekurangan rezeki atau penderitaan hidup. Sebaliknya, di samping ikhtiar dan usaha kita hendaklah menerima dengan rela, sabar dan ikhlas kerana itu adalah bahagian yang telah ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan ketentuan dari Allah Ta'ala itu pasti ada hikmahnya.

Oleh yang demikian, berdoalah kita memohon dianugerahi sifat *qana'ah*. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam Kitab al-Adab al-Mufrad, Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma pernah berdoa :

"Ya Allah jadikanlah aku orang yang qanaah terhadap rezeki yang Engkau beri dan berkatilah, serta gantilah apa yang luput dariku dengan sesuatu yang lebih baik".

Semoga dengan sifat *qana'ah* dan penuh kesyukuran ini akan menjadikan kehidupan kita lebih bermakna dan sekali gus mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

97 pelajar Ma'had Islam Brunei mendaftar



PENGETUA Ma'had Islam Brunei, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliuddin (dua, kiri) semasa menyampaikan taklimat ringkasnya pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Isnin, 6 Januari. - Jabatan Pengajian Islam (JPI) hari ini mengadakan Hari Pendaftaran Kemasukan pelajar-pelajar baru Sanah 5 di keempat-empat bahagian daerah bertempat di sekolah Arab masing-masing.

Ma'had Islam Brunei pagi tadi turut menerima pendaftaran seramai 97 pelajar yang terdiri daripada 37 pelajar lelaki dan 57 pelajar perempuan pada Majlis Pendaftaran Kemasukan Pelajar-pelajar Baharu yang berlangsung di Dewan Besar, Ma'had Islam Brunei, Tutong, di sini.

Atur cara dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai dan Doa Selamat, diikuti dengan taklimat ringkas mengenai pentadbiran, akademik, Hal Ehwal Pelajar, Disiplin dan Ko-Kurikulum yang disampaikan oleh Pengetua Ma'had Islam Brunei, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliuddin.

Acara diteruskan dengan bacaan ikrar penuntut dan nyanyian lagu rasmi Ma'had Islam Brunei yang disampaikan oleh Lujnah At Thullabiyyah Ma'had Islam Brunei.

Para pelajar seterusnya dibawa oleh Guru Kelas ke kelas yang

ditempatkan dan seterusnya meninjau bilik-bilik kelas yang lain serta kemudahan yang terdapat di sekolah.

Antara aktiviti yang dimuatkan adalah sesi memperkenalkan diri, pembahagian buku teks, perkumpulan pagi dan menunaikan Fardu Zohor berjemaah.

Dayang Haifa Firzannah binti Mohd. Azizan yang merupakan pelajar baharu Sanah 5, Ma'had Islam Brunei yang sebelum ini bersekolah di Sekolah Pertama Tutong melahirkan perasaan gembira dan sangat bersyukur kerana berjaya menjadi pelajar sekolah Arab.

Beliau seterusnya berazam untuk belajar bersungguh-sungguh



PELAJAR-pelajar baharu Sanah 5 membaca Ikrar yang diketuai oleh Lujnah At Thullabiyyah Ma'had Islam Brunei (atas dan bawah).



dan mendalami aliran agama dan bahasa Arab dalam usaha untuk mengharumkan nama ibu bapa.

Sementara itu, pelajar Sanah 5 Sekolah Arab Rimba akan mula bersekolah pada 11 Januari ini.



GURU Besar Sekolah Arab Temburong, Awang Morsidi bin Haji Awang Tuah.

Berita dan Foto :
Muhammad Akmal Haji Ali

TEMBURONG, Isnin, 6 Januari. - Sekolah Arab Temburong menerima seramai 16 pelajar baharu Sanah (Tahun) 5 yang terdiri daripada sembilan orang lelaki dan tujuh orang perempuan.

Majlis Pendaftaran pelajar Tahun 5 berlangsung di Dewan Sekolah Arab Temburong.

Antara yang hadir ialah ibu bapa serta penjaga pelajar-pelajar tersebut, guru-guru dan pelajar

16 pelajar baharu diterima masuk Sekolah Arab Temburong



IBU bapa juga penjaga dan seramai 16 pelajar baharu Sanah (Tahun) 5 semasa hadir pada Majlis Pendaftaran Pelajar Tahun 5 yang berlangsung di Dewan Sekolah Arab Temburong (kiri dan kanan).

Sekolah Arab Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Awang Morsidi bin Haji Awang Tuah.

Majlis juga diisi dengan taklimat daripada bahagian Pentadbiran, Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Disiplin dan Kokurikulum Sekolah

Arab Temburong.

Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab dan pelajar-pelajar baharu kemudian dibawa ke kelas dan pada sebelah petang pula merupakan sesi suai kenal guru dan pelajar-pelajar baharu tersebut.

Pihak Pelita Brunei berkesempatan menemubual Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Awang Morsidi bin Haji Awang

Tuah, "Alhamdulillah pada tahun 2020 kali ini pelajar baharu Tahun 5 yang mendaftar ke Sekolah Arab Temburong adalah seramai 16 orang iaitu sembilan orang lelaki dan tujuh orang perempuan dan harapan saya dan pihak sekolah Arab supaya pelajar-pelajar ini akan meneruskan pembelajaran di persekolahan Arab sehingga peringkat universiti, harapan saya

juga, para pelajar baharu akan bersedia menghadapi cabaran-cabaran yang akan mereka hadapi sepanjang pembelajaran di sekolah ini. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar-pelajar ini kerana telah berjaya dan layak masuk ke sekolah Arab setelah menghadapi peperiksaan lisan dan peperiksaan bertulis untuk melayakkkan mereka mendaftar di sekolah ini yang bermula pada bulan Jun tahun lepas, syabas dan tahniah juga kepada ibu bapa pelajar atas kejayaan anak-anak mereka," ujar beliau.

Pihak Pelita Brunei juga berkesempatan menemubual salah seorang pelajar baharu Tahun 5, Mohammad Ammar Asqolani bin Al-Amin, berumur 10 tahun dan tinggal di Kampung Piasau-Piasau, beliau bersyukur kerana layak masuk ke Sekolah Persediaan Arab setelah berusaha bertungkus-lumus membuat persediaan sebelum menghadapi peperiksaan tahun lepas dan berazam ingin belajar Bahasa Arab kerana meminati bahasa tersebut juga berazam akan meneruskan pembelajaran sehingga peringkat universiti.



Penyatuan Masyarakat bawa kepada kerukunan negara

NUSA tercinta kita Brunei Darussalam merupakan negara yang mempunyai anak watan berbilang kaum dan hidup secara bersama sejati ibarat peribahasa sekit bak sirih, serumpun bak serai. Sehubungan dengan itu, kebanyakan anggota masyarakat hidup berjiran di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar dan mereka saling berhubung, bertemu dan berurusan antara satu sama lain kerana semangat kejiranan begitu penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, majlis sambutan perayaan atau perjumpaan bulanan komuniti dapat mempertemukan semua jiran, saling berkenalan dan merapatkan hubungan. Mereka akan lebih mesra, saling membantu bagi aur dengan tebing tanpa membezakn warna kulit, bangsa atau kepercayaan. Hal ini menunjukkan bahawa semangat kejiranan yang dipupuk dapat membentuk kerjasama dalam kalangan anggota masyarakat seterusnya membentuk ukhuwah yang kukuh dan ampuh. Apa Pendapat Biskita kali ini cuba mendapatkan pandangan dari beberapa orang ramai mengenai dengan kepentingan semangat kejiranan kepada masyarakat.

"Semangat kejiranan bagi pendapat saya ia sangat penting kerana dengan adanya semangat kejiranan ia dapat membentuk semangat kekitan dan melahirkan masyarakat yang bersatu padu kerana jika masyarakat tidak bersatu padu dan berpecah-belah, negara akan musnah dan kehidupan anggota masyarakat tidak akan selesa dan aman. Tuntasnya, semangat kejiranan membolehkan semua anggota masyarakat memahami antara satu sama lain. Masyarakat yang berbilang kaum boleh mempelajari perbezaan budaya dan sistem sosial masyarakat lain seterusnya memahami sensitiviti mereka agar dapat bertoleransi, bekerjasama dan saling menghormati. Tegasnya semangat kejiranan penting dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu dan seterusnya dapat memacu pembangunan negara ke arah kegemilangan". - Addy HR. BSB

"Selaku penduduk di negara Brunei Darussalam yang berpaksikan Melayu Islam Beraja semangat kejiranan penting kepada negara kerana memudahkan kerajaan melaksanakan pelbagai program pembangunan dan membawa kemajuan kepada rakyat. Hidup di dalam suasana kejiranan juga mampu membawa kita kepada kehidupan yang sihat dan ini menunjukkan apabila rakyat hidup dalam keadaan sihat sejahtera maka pelbagai rancangan pembangunan dapat diatur, dirancang dan dilaksanakan secara lancar tanpa sebarang kekangan. Jika masyarakat dapat hidup bersama dalam suasana yang aman dan harmoni maka segala kemajuan yang disediakan oleh kerajaan di seluruh pelosok tanah air akan dapat dinikmati bersama-sama secara adil dan saksama. Sebagai contohnya, kerajaan telah berupaya membina pelbagai kemudahan dan infrastruktur di kawasan taman-taman perumahan seperti dewan orang ramai, balai raya, taman permainan kanak-kanak, dan banyak lagi. Jelaslah semangat kejiranan penting bagi membantu anggota masyarakat dalam suatu kawasan kejiranan menikmati pelbagai kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan". - Dayang Norbazillah binti Yunus, Mentri.

"Tidak disangkal semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat semakin terpinggir dan terhakis. Ini boleh mengundang bahaya kepada kehidupan bermasyarakat dan bernegara kerana mampu menjerumuskan negara kepada permasalahan yang lebih besar. Semangat kejiranan penting dipupuk dalam kehidupan bermasyarakat, tidak kira bangsa, agama atau darjah demi keutuhan tamadun bangsa, bagi menjamin keselamatan, dan keharmonian negara. Masyarakat adalah tulang belakang kepada keselamatan, kestabilan dan keharmonian sesbuah bangsa dan negara. Semangat kejiranan yang lemah boleh menimbulkan kecelaruan dalam bermasyarakat (berjiran, berkampung dan bernegara). Institusi pertama yang perlu menzahirkan semangat kejiranan adalah institusi keluarga. Apabila menyebut keluarga setentunya ibu bapa mesti memainkan peranan penting dalam mengasuh dan mendidik generasi kanak-kanak berkaitan semangat kejiranan dengan mendedahkan konsep *role model* atau ikutan kepada mereka terutama sikap dan amalan kejiranan seperti menghulurkan bantuan kepada jiran yang kesusahan, menziarahi jiran sakit, bertegur sapa, riadah bersama, mengikuti aktiviti gotong-royong, amalan berbudi bahasa dan sebagainya ini boleh merapatkan hubungan dan kemesraan jiran sekampung. Barisan pemimpin akar umbi yang terdiri dari ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu mukim, pertubuhan termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan seharusnya membina kerjasama kemasyarakatan dalam semua lapisan masyarakat kerana ini dapat mewujudkan perpaduan dan merapatkan jurang semangat setia kawan dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda dengan yang tua dan seumpamanya. Banyak program boleh diadakan mengikut keperluan semasa dan kesesuaian komuniti atau kampung seperti program kebudayaan, kesenian, masakan, kebersihan dan sebagainya. Di pihak kerajaan setentunya, hubungan antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan masyarakat awam sudah terjalin melalui Program Pengawasan Kejiranan. Program ini sangat bermanfaat dan mampu menjadi landasan terbaik mencetuskan nilai positif masyarakat, namun program ini perlu diangkat dan dijalang sebaiknya oleh barisan akar umbi kerana pada pandangan penulis barisan akar umbilah jentera sebenar kejayaan program ini sementara PPDB sebagai pendukung terbaik. Jadilah masyarakat atau jiran yang bersatu sebagaimana kata pepatah 'Jiran sepakat membawa berkat'. Akhirnya, semangat kejiranan memantulkan beberapa elemen yang sihat antaranya dapat mewujudkan masyarakat bersatu padu, melahirkan masyarakat prihatin, merapatkan hubungan sesama jiran, mencetuskan nilai berkhasiat sayang serta hormat menghormati dan sebagainya. Patuh dan julanglah semangat kejiranan untuk kebaikan bersama". - K.bolat, BSB

Bagi pendapat saya sendiri selaku penulis ruangan Apa Pendapat Biskita, semangat kejiranan yang wujud dalam kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum juga penting sebagai produk pelancongan. Sesungguhnya, kedatangan pelancong asing ke negara ini banyak disebabkan kehidupan masyarakat di negara kita yang unik, mempunyai pelbagai seni budaya yang menarik dan hidup secara harmoni dalam komuniti kejiranan. Sesungguhnya, perpaduan masyarakat banyak membantu menarik kehadiran pelancong terutamanya ketika musim perayaan besar. Maka sememangnya semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara ini sangat berfaedah dan membawa pulangan ekonomi yang begitu memberangsangkan kepada negara. Kesimpulannya, semangat kejiranan merupakan sebahagian daripada amalan dan menjadi budaya masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang menjadikan negara kita unik pada pandangan masyarakat di luar sana malah dikenali di seluruh dunia. Tuntasnya, semangat kejiranan bukan sahaja penting dalam mengekalkan suasana harmoni dalam kalangan rakyat di negara kita malah sumbangannya cukup besar terutamanya bagi memastikan Brunei Darussalam terus cemerlang dan mampu berdaya saing pada masa akan datang kerana rakyatnya yang bersahsiah terpuji bagi melahirkan modal insan berminima kelas pertama yang dapat memacu negara tercinta ke arah kegemilangan di puncak jagat. Negara yang cemerlang lahir daripada rakyatnya yang berhemah tinggi dan hidup bersatu padu. Jika masyarakat dapat berganding bahu dan saling mengekalkan kehidupan yang harmoni maka negara akan melakar kejayaan gemilang. Semangat kejiranan merupakan salah satu elemen penting dan vital yang membantu melahirkan anggota masyarakat yang harmoni, mempunyai jati diri dan semangat cinta akan negara.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Kepentingan Industri Kecil dan Sederhana
ii. Peranan Ibu Bapa Membudayakan Amalan Menabung



baali-alian bermaksud tidak berkongsi tempat tinggal, makan, duduk, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : suruh kanak-kanak atau duduk **baali-alian** bisai, supaya bisdurang atau inda bakalai.

alir-alir bermaksud hampir terlondeh tentang seluar yang dipakai atau tapis kain sarung yang tidak kuat ikatannya.

Contoh pemakaian kata:

a. **alir-alir** jua kainnya atu, kan talunsur nganya inda.

b. bida jua pisin saluar urang muda-muda karang an, **alir-alir**.

alu-aluan bermaksud barang yang dibawa dalam perjalanan atau berpergian sebagai buah tangan.

Contoh pemakaian kata : banyak naindah dibalinya masanya balayar-layaran atu, kan **alu-aluan** adi-beradinya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG PUNI



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TELUR MASIN KUKUS ISTIMEWA

BAHAN-BAHANNYA :

- 6 biji telur masin
- 15 biji telur ayam
- 4 biji telur padi
- 2 biji lada hidup (dipotong kecil)
- 1 sudu teh secukup rasa / serbuk perasa

Daun sup secukupnya

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Pecahkan telur ayam dan pukul hingga sebati. Kemudian pecahkan telur masin dan asingkan putih telur dan

kuningnya. Potong - potong kuning telur masin ikut cita rasa.

Buangkan kulit telur padi dan potong kepada empat bahagian.

Kemudian campurkan kesemua bahan dan gaul sama rata. Setelah itu masukkan ke dalam bekas / takir dan kukus selama 30 minit.

Teruja memulakan kehidupan sekolah berasrama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Januari. - Pengalaman tinggal di asrama merupakan sesuatu yang amat dinantikan oleh pelajar-pelajar baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) terutama sebagai cara untuk berdikari dengan bantuan rakan-rakan sebaya.

Pelajar Tahun 7 kelulusan Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, Dayang Nur Hidayatul Hidayah binti Hasmadi semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, menyatakan rasa teruja untuk memulakan kehidupan sekolah berasrama setelah berjaya terpilih melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di ITQSHHB.

Beliau yang merupakan anak sulung berumur 13 tahun tiba di Asrama Perempuan ITQSHHB, Bangunan Ong Sum Ping bersama kedua ibu bapanya mendaftar kemasukan ke asrama institut tersebut dan seterusnya meninjau kemudahan-kemudahan yang disediakan di asrama tersebut seperti ruang belajar, mereka juga membawa barang-barang keperluan harian sepanjang tinggal di asrama.

Bagi sesi tahun 1441 Hijrah dan 2020 Masihi, ITQSHHB menerima sejumlah 78 pelajar Tahun 7 terdiri daripada 33 orang lelaki dan 45 perempuan.

Setiap pelajar dikehendaki untuk tinggal di asrama di sepanjang



PARA ibu bapa menyelesaikan urusan kemasukan anak masing-masing ke Asrama Perempuan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) di kaunter-kaunter yang disediakan.



IBU bapa pelajar kemasukan baharu ke Asrama Perempuan ITQSHHB diberikan serba sedikit penerangan mengenai tempat kediaman anak-anak mereka yang bakal tinggal di asrama (atas). Sementara gambar bawah, Dayang Nur Hidayatul Hidayah binti Hasmadi bersama kedua ibu bapanya meninjau kemudahan belajar di Asrama Perempuan ITQSHHB.



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

pengajian, walau bagaimanapun mereka juga dibenarkan untuk balik ke rumah masing-masing seminggu sekali dan juga pada hari-hari kelepasan awam. Ini bertujuan untuk mendidik para pelajar supaya lebih berdikari, berdisiplin dan dapat menyesuaikan diri masing-masing dalam suasana pembelajaran Hafazan Al-Quran dan Akademik yang lebih kondusif.

Di samping itu, Minggu Ta'aruf pelajar baharu juga turut

diadakan seawal hari pendaftaran sehingga Jumaat, iaitu bermula pada 6 Januari sehingga 10 Januari. Pelbagai aktiviti akan dilaksanakan sepanjang minggu Ta'aruf ini sebagai pengisian yang berguna seperti *qiamullail*, solat berjemaah, kuliah agama, tazkirah, bengkel pengenalan hafazan Al-Quran, bengkel membaca khutbah dan bilal, taklimat-taklimat, acara sukan dan riadah yang dikendalikan oleh pihak institut.



MINDA PEMBACA

Utamakan Kecemerlangan Pendidikan

PENDIDIKAN yang cemerlang adalah pendidikan yang bersistemkan pengajaran dan pembelajaran yang berkait dengan ilmu dunia dan juga ilmu akhirat. Inilah dikatakan pendidikan yang cemerlang kerana kita bukan sahaja mahu cemerlang di dunia tetapi cemerlang juga di akhirat.

Oleh itu, untuk memajukan ketamadunan sesebuah negara dan bangsa pada era globalisasi ini adalah dengan pendidikan yang cemerlang. Namun ramai yang lupa bahawa negara

yang berpendidikan tinggi namun rendah dari segi ugama adalah salah satu punca kurangnya keberkatan daripada Allah. Ramai orang lupa akan kepentingan kecemerlangan dalam pendidikan ugama sehingga ibu bapa lebih mengutamakan anak-anak mereka belajar sehingga sanggup mengetepikan pelajaran ugama. Inilah kecuaian yang nyata bukan sahaja di negara kita, tetapi juga di seluruh negara. Bukti kemajuan ilmuwan dalam Islam banyak terbukti sehingga lahirnya tokoh-tokoh Islam seperti Ibnu Sina, Imam Ghazali yang

mana semua ini adalah pendidikan Islam yang tidak melupakan Allah.

Selain daripada itu, mengutamakan pendidikan untuk keduniaan juga penting untuk kemajuan negara. Pendidikan ini sangat penting untuk mengeluarkan idea-idea yang baharu untuk persediaan melakukan perubahan untuk masa hadapan negara. Oleh itu, dengan pendidikan seperti sains, ketenteraan, perekonomian dapat memadamkan segala rintangan dan cabaran pergolakan dunia antarabangsa dan juga perubahan sains dan teknologi.

Sebagai kesimpulan, dalam proses kita dalam menuju ke jambatan Wawasan Brunei 2035, ini semuanya bermula daripada pendidikan yang cemerlang, iaitu pendidikan ugama dan pendidikan dunia. Oleh itu, gred 'A' tidaklah cukup untuk dikategorikan sebagai cemerlang jika buruk dalam akhlak dan tasawufnya.

Nama : Muhammad Mirwan @ Muhammad Abbasy bin Mohammad Ismail
No K/P : 01-085740 (K)

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keusahawanan Pemacu Brunei Maju'. Tarikh Tutup : 8 Januari 2020
2. 'Kepentingan Amalan Minum Air'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2020
3. 'Bersama Memperkasa Belia Negara'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2020

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

MUKA 6

Kemajuan negara terletak di-bahu pemudi

BANDAR BRUNEI — Kini kita telah insaf dan akan terus insaf untuk memperbaiki taraf kita sehingga tercapai apa yang kita sedang chita2kan.

Kesederan bangsa kita terutama di-kalangan pemuda pemudi hari ini telah nampak berchambah dan apa yang sedang di-impi2kan ada-lah nampak dengan jelas dan terang.

Kita bangsa Melayu di-Brunei telah meningkat kemajuan-nya dari sa-tangga ka-satangga melalui gelombang perjuangan untuk menuju chita2 yang suchi murni.

Kini kita telah sedar rasa tanggong jawab kita terhadap negara ada-lah bertambah dari sa-masa ka-samasa dan ini ada-lah

dasar perjuangan bangsa kita sekarang.

Sunggoh pun demikian adalah agak-nya sukar hendak mengembangkan perasaan bertanggong jawab itu kerana kita terpaksa menghadapi berbagai2 rintangan di-sekitar lengkongan kita masing2.

Sa-bahagian besar bangsa kita maseh banyak yang buta huruf, buta berita dan buta penerangan lain2-nya dan kapada mereka itu kata2 "pemuda harapan bangsa" itu hanya-lah menjadi chita2 sahaja.

WANITA BERGERAK LEBEH CHEPAT SA-LEPAS PERANG

BANDAR BRUNEI.—Semenjak bom atom di-gugorkan di-Horishima dan sa-telah aman dari peperangan dunia yang kedua beberapa tahun yang lampau, keadaan kaum wanita dari hari ka-sahari telah nampak jauh perbezaan-nya daripada sa-belum pechah perang itu.

Kita berasa shukor kerana dengan ada-nya peperangan itu-lah wanita Melayu telah sedar dan pandai menghargakan kemajuan taraf hidup-nya.

Kita tidak hairan mengapa kah wanita bangsa asing lebh dahulu menchapai kemajuan. Mereka itu telah di-galakkkan masuki berbagai2 lapangan untuk meninggikan taraf hidup terlebih dahulu daripada wanita Melayu.

Soal ini selalu di-binchangkan

Pemuda pemudi yang terpelajar ada-lah bertanggong jawab terhadap negara dan bangsa kerana kemajuan dan kebaikan negara akan datang terletak di-bahu pemuda pemudi itu.

Pemuda pemudi juga banyak membawa pengaroh yang akan dapat membimbing bangsa kita ka-arah kemajuan.

Di-zaman yang serba maju ini, kita berasa bangga kerana banyak perubahan2 yang telah kita dapati di-kalangan pemuda pemudi.

Mereka mendukung chita2 yang tinggi dan mereka sanggup bekerja dengan tekun demi kepentingan bangsa dan negara dengan meninggikan darjah ra'ayat yang akan datang.

Dalam hal ini pemuda pemudi negeri ini telah mula menurut jejak langkah negara2 yang telah maju yang telah berdiri sama tinggi duduk sama rendah. — (M. Samsinah).

oleh orang ramai walau pun dahulu soalan itu di-ketepikan kerana konon-nya wanita tidak berhak menchapori dalam soal kemajuan negeri.

Perasaan yang demikian telah menyebabkan wanita Melayu tertinggal jauh di-belakang pada hal wanita Melayu memang berkebolehan di-sagenap lapangan.

Tetapi maseh ada masharakat yang merendah2kan taraf wanita sunggoh pun kemajuan wanita ada-lah satu perkara yang sangat di-hargai.

Kemajuan wanita dalam se-gala lapangan tidak akan dapat dicegah kerana jika dahulu-nya mereka itu di-kawal dengan rapi hari ini ibu bapa telah membina-kan kaum wanita bergerak dalam sa-genap lapangan. (Mala Mas)

Penerimaan taligram pada hari2 kelepasan

BANDAR BRUNEI — Pejabat2 taligraf di-seluruh Negeri Brunei ada-lah di-buka pada hari Juma'at, Ahad dan hari2 kelepasan am dari pukul 7.30 pagi hingga 12 tengah hari.

Peratoran ini ia-lah untuk mensesuaikan dengan keputusan kerajaan menjadikan hari Juma'at dan Ahad hari2 kelepasan am.

Pejabat2 taligraf ada-lah di-buka seperti biasa pada hari2 bekerja.

PELITA BRUNEI, Rabu, 20 January, 1960.

FIKIRAN WARAS GIATKAN CHITA2

BANDAR BRUNEI.—Resmi sa-saorang itu tidak akan berubah jika orang itu tidak chuba mengubahnya apabila ia insaf akan keburokan resmi-nya itu.

Sering di-dapat orang yang burok perangai-nya ia-lah orang yang benchi-

+ melihat kesenangan dan ke-

+ ma'moran orang lain.

Sa-orang yang bersifat demikian tidak akan sedar bahawa ia merendahkan akhlak-nya sendiri kerana ia berpegang pada kehendak hati-nya sendiri.

Jikalau chita2-nya waras untuk kepentingan ramai orang itu akan menjadi lebih giat menchuba mempunyai chita2 murni hingga tujuan-nya berhasil.

Orang yang sehat fikiran-nya tidak akan memandang pada kesenangan orang lain dengan berhati dengki. Ia melihat tuladan sa-demikian itu dengan bergembira dan shukor. (HH)

Mesjid Ini memerlukan perkakas2 dalam

TELISAI.—Masjid Telisai yang baharu siap di-bena itu maseh memerlukan bantuan wang untuk membeli perkakas2 di-dalam bangunan itu.

Masjid itu telah di-dirikan dengan derma daripada penduduk2 Kampong Telisai dan bantuan wang daripada orang2 Islam Negeri Brunei.

Sa-banyak \$3,878.29 telah dikutip. Wang itu di-gunakan untuk membeli kayu dan bayaran kerana mendirikan masjid tersebut.

Naib Setiausaha Pembinaan Masjid Telisai, Inche Hasbullah, berkata bahawa masjid itu telah di-buka untuk bersembahyang Juma'at pada 27 November lepas.

Tetapi banyak lagi perkakas2 yang belum di-adakan terutamanya perkakas2 dalam masjid.

Derma khas untuk membeli perkakas2 itu ada-lah di-buka pada masa ini.

Kiriman2 hendak-lah di-hantarkan kepada Naib Setiausaha Pembinaan, Masjid Telisai,



Sa-bahagian daripada tetamu pada malam majlis makan kechil yang telah di-adakan di-dewan Civic Center, Bandar Brunei, oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kerana menyambut ulang tahun ke-20 penubuhan persekutuan tersebut.



Skim RPN menjamin kualiti kehidupan rakyat

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

Foto : Jabatan Penerangan

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pembangunan telah menyediakan perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) di seluruh negara yang dihasratkan bagi menjamin kualiti kehidupan rakyat.

Penyediaan perumahan di bawah RPN adalah untuk memenuhi keperluan semua rakyat Negara Brunei Darussalam yang tidak mempunyai tanah dengan hasrat kerajaan bahawa setiap penduduk mempunyai tempat perlindungan.

Pada sekitar tahun 50-an, Skim RPN adalah untuk memindahkan penduduk Kampong Ayer ke darat dengan hasrat

kerajaan memberi peluang kepada mereka untuk memiliki tanah dan bercucuk tanam bagi membiasai penghidupan mereka.

Menurut perangkaan terkini Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan hingga kini ini lebih 28 ribu buah rumah dan lot tanah di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) seluruh negara telah dianugerahkan kepada para penerima yang berkelayakan.

Daripada jumlah berkenaan, 18,699 orang adalah pemohon di Daerah Brunei dan Muara; 6,581 orang pemohon di Daerah Belait; 2,695 orang pemohon di Daerah Tutong dan juga 635 orang pemohon di Daerah Temburong.

Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan ketika ini sedang menjalankan

penilaian secara menyeluruh mengenai SPN bagi memastikan ia dapat berdaya tahan dalam memenuhi permohonan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Antara strategi jangka panjang berkenaan, termasuk penggunaan tanah secara optima bagi meningkatkan bilangan penghasilan rumah, kini dapat dilihat pelbagai perubahan dari segi penyediaan bentuk perumahan umpamanya pembinaan rumah jenis *cluster housing*.

Dengan penyediaan perumahan negara di bawah SPN tersebut menggambarkan bahawa agenda pembangunan perumahan tersebut sentiasa menjadi perhatian Kerajaan Kebawah DYMM dalam usaha bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan

penduduk di negara ini.

Penyediaan pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang berdaya tahan adalah sebagai bukti bahawa Kerajaan Kebawah DYMM sentiasa mengambil berat terhadap kebijakan rakyat di negara ini dan setentunya akan memberi impak positif terhadap kesejahteraan awam dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara yang lebih mapan dan dinamik.

Dalam masa yang sama, ia juga menyumbang kepada pembangunan sosial, mewujudkan peluang pekerjaan kebijakan masyarakat dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk. Kesemua usaha kerajaan ini adalah bagi memastikan matlamat Wawasan Brunei 2035 akan tercapai.



SM SHBT terima 137 pelajar Tahun 7



PENGETUA Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong (SM SHBT), Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia hadir bersama Guru-guru dari Bahagian Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Kewangan SM SHBT semasa Sesi Taklimat yang diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar (kanan), sementara gambar kiri dan bawah kanan, seramai 66 pelajar lelaki dan 71 pelajar perempuan Tahun 7 mendaftar untuk meneruskan pembelajaran di SM SHBT bagi Tahun 2020.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

TEMBURONG, Isnin, 6 Januari. - Seramai 137 orang pelajar mendaftar untuk meneruskan pembelajaran di Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong (SM SHBT), iaitu 66 pelajar lelaki dan 71 pelajar perempuan.

Majlis Pendaftaran Pelajar Tahun 7 bagi Tahun 2020 sekolah tersebut, berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Turut hadir, ibu bapa / penjaga pelajar-pelajar Tahun 7, Guru-guru SM SHBT.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan beramai-ramai dan lagu rasmi

SM SHBT oleh para Pelajar SM SHBT.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa oleh Pelajar Tahun 10T, Muhammad Irfan bin Irwan.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua SM SHBT, Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia.

Acara diisikan dengan taklimat daripada Bahagian Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Kewangan SM SHBT.

Majlis diakhiri dengan ikrar pelajar yang dipimpin oleh Ketua Prefek, Pelajar Tahun 11C, Mohammad Nur Rasyid Muaz bin Julaihi.



**Berbelanja
Bijak&Berhemat
dengan aplikasi**

PenggunaBijak
SmartConsumer



Dapatkan aplikasi dan muat turun di



Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barang harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskaun melalui PenggunaBijak .

HUBUNGI KAMI:

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Bilik 2A3:06, Aras 03, West Wing,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311,
Negara Brunei Darussalam.
Tel : +673 2230223 (Waktu Pejabat)

Menyediakan pelbagai fungsi:

PENETAPAN HARGA MAKSIMA

Senarai barang yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.

PERBANDINGAN HARGA

Perbandingan harga barang keperluan harian terpilih.

MEMBUAT ADUAN

Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barang yang dikawal harga.

JUALAN & POTONGAN DISKAUN

Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

PELINDUNGAN PENGGUNA

Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

Sukan

INFO SUKAN

ACARA Larian Brunei 2020 (Brunei Run 2020) anjuran Alif Media & Marketing, yang berlangsung pada 5 Januari 2020 di ibu negara turut disertai oleh para pelari dari luar negara, termasuk Amerika Syarikat, Republik Czech, England, Republik Filipina, Republik Indonesia, Malaysia dan Rusia. Awang Md. Khairul Anuar bin Ramli muncul juara Kategori 10km Lelaki, manakala Siaw Kim Tho menjuarai Kategori 10km Wanita.



ePaper Pelita Brunei



PARA pemenang Kategori Men Master Veteran dan Kategori Terbuka Lelaki pada Perlumbaan Mountain Bike anjuran IMAP Enterprise ketika bergambar ramai (kiri dan kanan).

Perlumbaan Mountain Bike anjuran IMAP Enterprise



Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

TUNGKU LINK, Isnin, 6 Januari. - Perlumbaan Mountain Bike kian mendapat tempat dalam kalangan rakyat di negara ini yang menggemari sukan dan penjagaan kesihatan.

Sehubungan itu, IMAP Enterprise menganjurkan Perlumbaan Mountain Bike sejauh 3.2 kilometer yang bermula dan berakhir di pekarangan letak kereta Universiti Teknologi Brunei.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Terbuka Lelaki, Kategori Terbuka Perempuan, Kategori Veteran, Kategori Men Master Veteran, Kategori Fatbike dan Kategori Heavyweight.

IMAP Enterprise beroperasi sejak 2013 dan merupakan syarikat pertama yang memberikan khidmat *electronic timekeeping* kepada penggemar sukan lumba basikal dan larian.

Kelab Tango Riders adalah salah satu kelab Mountain Bike yang ditubuhkan semenjak 2017. Kelab ini telah menganjurkan beberapa perlumbaan dan ekspedisi.

Dengan pengalaman yang ada, mereka diberikan kepercayaan untuk menjalankan dan menguruskan perlumbaan ini.

Perlumbaan Mountain Bike yang berlangsung selama empat jam ini adalah yang pertama dianjurkan di Negara Brunei Darussalam.

PARA pemenang Kategori Terbuka Perempuan gembira, ceria mengabadikan kenangan manis bersama.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'SUNGGUH BERUNTUNG ORANG ISLAM, KECUKUPAN REZEKI, BERSIFAT QANA'AH'

دتربيتكن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان دچيتق اوله جباتن فرچيتقن كراجأن، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam